SURUHANJAYA
PELABUHAN PULAU PINANG
PENANG PORT COMMISSION

SURUHANJAYA PELABUHAN
PULAU PINANG (TELUK EWA)
PENANG PORT COMMISSION
(TELUK EWA)

## SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG PENANG PORT COMMISSION

Level 2, Swettenham Pier Cruise Terminal,
No. 1A, King Edward Place,
10300 George Town, Penang, Malaysia.
Tel: 604-263 3211 • Fax: 604-262 6211
Email: sppp@penangport.gov.my

www.penangport.gov.my

SURUHANJAYA
PELABUHAN PULAU PINANG
PENANG PORT COMMISSION

SURUHANJAYA PELABUHAN
PULAU PINANG (TELUK EWA)
PENANG PORT COMMISSION
(TELUK EWA)

# LAPORAN TAHUNAN 2021

## ANNUAL REPORT





# KANDUNGAN
# CONTENT

## SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
*PENANG PORT COMMISSION*


**02** Visi dan Misi
*Vision and Mission*

**04** Instalasi Pelabuhan Pulau Pinang
*Penang Port Installation*

**05** Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
*Penang Port Commission*

**08** Ahli-ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 2021
*Penang Port Commission Board of Directors 2021*

**09** Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil Lembaga 2021
*Sub-Committees of the Board 2021*

**11** Kehadiran Ahli-ahli Lembaga di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 2021
*Board of Directors Attendance in Penang Port Commission Board Meetings 2021*

**12** Pegawai-Pegawai Kanan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 2021
*Penang Port Commission Senior Officers 2021*

**13** Carta Organisasi
*Organisational Chart*

**14** Perutusan Pengerusi
*Chairman's Message*

**16** Laporan Pengurus Besar
*General Manager's Report*

**23** Diari Aktiviti Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
*Penang Port Commission Activities Diary*

**33** Pelaburan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang Di Dalam Ipoh Cargo Terminal (ICT)
*Penang Port Commission's Investment in Ipoh Cargo Terminal (ICT)*

**34** Prestasi Pelabuhan Pulau Pinang 2021
*Penang Port's Performance 2021*

**38** Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 2021
*Penang Port Commission Financial Statement 2021*


## SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA)
*PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA)*


**73** Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa)
*Penang Port Commission (Teluk Ewa)*

**76** Ahli-ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) 2021
*Penang Port Commission (Teluk Ewa) Board of Directors' 2021*

**77** Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil Lembaga (Teluk Ewa) 2021
*Sub-Committees of the Board (Teluk Ewa) 2021*

**79** Kehadiran Ahli-ahli Lembaga di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) 2021
*Board of Directors Attendance in Penang Port Commission (Teluk Ewa) Board Meetings 2021*

**80** Perutusan Pengerusi
*Chairman's Message*

**81** Laporan Pengurus Besar
*General Manager's Report*

**82** Diari Aktiviti Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa)
*Penang Port Commission (Teluk Ewa) Activities Diary*

**83** Prestasi Pelabuhan Pulau Pinang 2021
*Penang Port's Performance 2021*

**85** Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) 2021
*Penang Port Commission (Teluk Ewa) Financial Statement 2021*

# VISI
# VISION

**PELABUHAN PULAU PINANG – PEMANGKIN EKONOMI**

*PENANG PORT – THE ECONOMIC CATALYST*



# MISI
# MISSION

**MEMACU DAN MEMPERKASA PERSEKITARAN PELABUHAN YANG PINTAR, MAMPAN DAN BERDAYA SAING**

*TO SPUR AND EMPOWER A SMART, SUSTAINABLE, AND COMPETITIVE PORT ENVIRONMENT*





## LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 2021

Sebagai mematuhi Seksyen 13 (4) Penang Port Commission Act, 1955; Suruhanjaya adalah dengan hormatnya mengemukakan kepada YB Menteri Pengangkutan

LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG YANG KE ENAM PULUH ENAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Dan

PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## *THE PENANG PORT COMMISSION 2021 ANNUAL REPORT*

*In compliance with Section 13 (4) of the Penang Port Commission Act,1955; The Commission respectfully submits to the honourable Minister of Transport*

*THE SIXTY-SIXTH ANNUAL REPORT OF THE PENANG PORT COMMISSION FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

*and*

*THE FINANCIAL STATEMENT OF THE PENANG PORT COMMISSION FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

## LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA) 2021

Sebagai mematuhi Seksyen 13 (4) Penang Port Commission Act, 1955; Suruhanjaya adalah dengan hormatnya mengemukakan kepada YB Menteri Pengangkutan

LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA) YANG KE DUA PULUH TIGA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Dan

PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## *THE PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA) 2021 ANNUAL REPORT*

*In compliance with Section 13 (4) of the Penang Port Commission Act, 1955; The Commission respectfully submits to the honourable Minister of Transport*

*THE TWENTY-THIRD ANNUAL REPORT OF THE PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA) FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

*and*

*THE FINANCIAL STATEMENT OF THE PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA) FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

# INSTALASI PELABUHAN PULAU PINANG

## PENANG PORT INSTALLATION








# SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

## PENANG PORT COMMISSION





# SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

## PENANG PORT COMMISSION

### LATAR BELAKANG

- Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1956 di bawah Penang Port Commission Act, 1955.
- SPPP bertanggungjawab terhadap pentadbiran Pelabuhan Pulau Pinang seperti menyedia dan menyelenggara kemudahan serta perkhidmatan pelabuhan, feri, terminal penumpang dan marina di Pelabuhan Pulau Pinang di samping mempertingkatkan kemajuan, pembangunan dan penggunaan pelabuhan.
- Pelabuhan Pulau Pinang menawarkan pelbagai kemudahan dan peralatan moden untuk pengendalian kontena, kargo pukal cecair, kargo pukal kering dan kargo am.

### BIDANG KUASA

- Mulai 1 Januari 1994, operasi perkhidmatan pelabuhan dan feri di Pelabuhan Pulau Pinang telah diswastakan kepada pengendali berlesen iaitu Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) mengikut Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990. Mulai tarikh tersebut, SPPP bertindak sebagai Badan Kawal Selia di samping kekal sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan.
- Berkuatkuasa 1 Januari 1999, SPPP telah dilantik sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dan juga Badan Kawal Selia bagi Jeti Teluk Ewa di Langkawi.

### FUNGSI

- SPPP berfungsi sebagai:
  a) Pihak Berkuasa Pelabuhan
  b) Badan Kawal Selia
  c) Pusat Sumber Pelabuhan
  d) Pentadbir Zon Perdagangan Bebas
  e) Fasilitator Perdagangan

### KOMITMEN

- SPPP komited dalam mempromosikan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan pilihan utama dalam Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (*Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle:* IMT-GT) dan Teluk Benggala serta menjadi hab logistik bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (*Northern Corridor Economic Region :* NCER).





### *BACKGROUND*

- *Penang Port Commission (PPC) was established on 1st January 1956 under the Penang Port Commission Act 1955.*
- *PPC is responsible for the administration of Penang Port, which includes the provision and maintenance of port and ferry services, passenger terminals, and marinas at Penang Port, as well as enhancing the progress, development, and utilisation of the port.*
- *Penang Port offers various facilities and modern equipment for handling containers, liquid bulk, dry bulk, and general cargo.*

### *JURISDICTION*

- *Effective 1st January 1994, the operations of the port and ferry services at Penang Port were privatised to a licensed operator - Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) under the Ports (Privatisation) Act 1990. Since then, PPC has acted as a Regulatory Body while remaining as the Port Authority.*
- *Effective 1st January 1999, PPC was appointed as the Port Authority and Regulatory Body for Teluk Ewa Jetty in Langkawi.*

### *FUNCTIONS*

- *Penang Port functions as:*
  *a) Port Authority*
  *b) Regulatory Body*
  *c) Port Resource Center*
  *d) Free Commercial Zone Administrator*
  *e) Trade Facilitator*

### *COMMITMENT*

- *PPC is committed to promoting Penang Port as the preferred port in the Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT), the Bay of Bengal, and becoming the logistics hub for the Northern Corridor Economic Region: (NCER).*

# AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 2021

## PENANG PORT COMMISSION BOARD OF DIRECTORS 2021



**YBhg.
Datuk Tan Teik Cheng**



**Encik Aedy Fadly
bin Ramli**



**Tuan Haji Zairi
bin Mat Ali**
(Sehingga 19 April 2021)
*(Until 19th April 2021)*



**Encik Zul Hadi
bin Ahmad**
(Mulai 20 April 2021)
*(Effective 20th April 2021)*



**Encik Boniface
Anak Edwin Manung**



**YB Dato' Abdul Razak
bin Jaafar**
(Sehingga 4 Disember 2021)
*(Until 4th Disember 2021)*



**Encik Yeoh Chin Kah**
(Sehingga 8 Julai 2021)
*(Until 8th July 2021)*



**Encik Zul Akmal
bin A B Suhukor**
(Sehingga 8 Julai 2021)
*(Until 8th July 2021)*



**YBhg.
Datuk Kang Chun Keong**
(Sehingga 8 Julai 2021)
*(Until 8th July 2021)*



**YBrs. Puan Monaliza
binti Suhaimi**



# JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA 2021

## SUB-COMMITTEE OF THE BOARD 2021

### JAWATANKUASA PEMALIMAN *PILOTAGE COMMITTEE*

| | |
|---|---|
| Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang<br>*General Manager, Penang Port Commission* | Pengerusi<br>*Chairman* |
| Wakil Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan<br>*Representing the Secretary General, Ministry of Transport* | Ahli<br>*Member* |
| Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia / Wakil<br>*Director General, Marine Department Peninsular Malaysia / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| Kapten Md. Suyod bin Suhaimi<br>*Captain Md. Suyod bin Suhaimi* | Ahli<br>*Member* |
| Kapten Seow Yong Him<br>*Captain Seow Yong Him* | Ahli<br>*Member* |

### JAWATANKUASA KEWANGAN *FINANCE COMMITTEE*

| | |
|---|---|
| Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Wakil<br>*Secretary General of Treasury / Representative* | Pengerusi<br>*Chairman* |
| Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi / Wakil<br>*Director General, Economic Planning Unit / Representative* | Timb. Pengerusi<br>*Deputy Chairman* |
| Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan / Wakil<br>*Secretary General, Ministry of Transport / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| YBhg. Datuk Kang Chung Keong (Sehingga 8 Julai 2021)<br>*YBhg. Datuk Kang Chung Keong (Until 8th July 2021)* | Ahli<br>*Member* |
| Encik Zul Akmal bin A B Suhukor (Sehingga 8 Julai 2021)<br>*Mr. Zul Akmal bin A B Suhukor (Until 8th July 2021)* | Ahli<br>*Member* |
| Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang<br>*General Manager, Penang Port Commission* | Ahli<br>*Member* |

### JAWATANKUASA PERKHIDMATAN *SERVICE COMMITTEE*

| | |
|---|---|
| Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi / Wakil<br>*Director General, Economic Planning Unit / Representative* | Pengerusi<br>*Chairman* |
| Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Wakil<br>*Secretary General of Treasury / Representative* | Timb. Pengerusi<br>*Deputy Chairman* |
| Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan / Wakil<br>*Secretary General, Ministry of Transport / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang<br>*General Manager, Penang Port Commission* | Ahli<br>*Member* |

# JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA 2021 (Samb.)

## SUB-COMMITTEE OF THE BOARD 2021 *(Cont'd)*

### JAWATANKUASA PERANCANGAN *PLANNING COMMITTEE*

| | |
|---|---|
| YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang<br>*YB Penang State Secretary* | Pengerusi<br>*Chairman* |
| Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan / Wakil<br>*Secretary General, Ministry of Transport / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Wakil<br>*Secretary General of Treasury / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi / Wakil<br>*Director General, Economic Planning Unit / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| YBhg. Datuk Kang Chun Keong (Sehingga 8 Julai 2021)<br>*YBhg. Datuk Kang Chun Keong (Until 8th July 2021)* | Ahli<br>*Member* |
| Encik Yeoh Chin Kah (Sehingga 8 Julai 2021)<br>*Mr. Yeoh Chin Kah (Until 8th July 2021)* | Ahli<br>*Member* |
| Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang<br>*General Manager, Penang Port Commission* | Ahli<br>*Member* |

### LEMBAGA PEROLEHAN *PROCUREMENT BOARD*

| | |
|---|---|
| Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan / Wakil<br>*Secretary General, Ministry of Transport / Representative* | Pengerusi<br>*Chairman* |
| Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Wakil<br>*Secretary General of Treasury / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang<br>*General Manager, Penang Port Commission* | Ahli<br>*Member* |
| Seorang Pegawai Awam Dari Agensi Lain (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)<br>*A Government Officer from Other Agencies (Management and Professional Group)* | Ahli<br>*Member* |

### JAWATANKUASA AUDIT *AUDIT COMMITTEE*

| | |
|---|---|
| YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang<br>*YB Penang State Secretary* | Pengerusi<br>*Chairman* |
| Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan / Wakil<br>*Secretary General, Ministry of Transport / Representative* | Timb. Pengerusi<br>*Deputy Chairman* |
| Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Wakil<br>*Secretary General of Treasury / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi / Wakil<br>*Director General, Economic Planning Unit / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| Encik Zul Akmal bin A B Suhukor (Sehingga 8 Julai 2021)<br>*Mr. Zul Akmal bin A B Suhukor (Until 8th July 2021)* | Ahli<br>*Member* |
| Encik Yeoh Chin Kah (Sehingga 8 Julai 2021)<br>*Mr. Yeoh Chin Kah (Until 8th July 2021)* | Ahli<br>*Member* |



# KEHADIRAN AHLI-AHLI LEMBAGA DI MESYUARAT-MESYUARAT LEMBAGA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 2021

## BOARD OF DIRECTORS' ATTENDANCE IN PENANG PORT COMMISSION BOARD MEETINGS 2021

Sebanyak 8 Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah diadakan sepanjang tahun 2021. Senarai kehadiran Ahli-ahli Lembaga SPPP adalah seperti berikut:

*A total of 8 Penang Port Commission Board Meetings were held throughout 2021. The attendance list of the PPC's Board of Directors is as follows:*

| **NAMA** *NAME* | **KEHADIRAN** *ATTENDANCE* |
|---|---|
| **YBhg. Datuk Tan Teik Cheng**<br>*YBhg. Datuk Tan Teik Cheng* | 8/8 |
| **Encik Aedy Fadly bin Ramli**<br>Mewakili Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan<br>***Mr. Aedy Fadly bin Ramli***<br>*Representing Secretary General, Ministry of Transport* | 6/8 |
| **Tuan Haji Zairi bin Mat Ali**<br>Mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sehingga 19 April 2021)<br>***Tuan Haji Zairi bin Mat Ali***<br>*Representing Secretary General of the Treasury (Until 19th April 2021)* | 3/8 |
| **Encik Zul Hadi bin Ahmad**<br>Mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Mulai 20 April 2021)<br>***Mr. Zul Hadi bin Ahmad***<br>*Representing Secretary General of Treasury (Effective 20th April 2021)* | 5/8 |
| **Encik Boniface Anak Edwin Manung**<br>Mewakili Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi<br>***Mr. Boniface Anak Edwin Manung***<br>*Representing Director General, Economic Planning Unit* | 8/8 |
| **YB Dato' Abdul Razak bin Jaafar**<br>Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Sehingga 4 Disember 2021)<br>***YB Dato' Abdul Razak bin Jaafar***<br>*Penang State Secretary (Until 4th Disember 2021)* | 5/8 |
| **Encik Yeoh Chin Kah** (Sehingga 8 Julai 2021)<br>***Mr. Yeoh Chin Kah*** *(Until 8th July 2021)* | 4/8 |
| **Encik Zul Akmal bin A B Suhukor** (Sehingga 8 Julai 2021)<br>***Mr. Zul Akmal bin A B Suhukor*** *(Until 8th July 2021)* | 2/8 |
| **YBhg. Datuk Kang Chun Keong** (Sehingga 8 Julai 2021)<br>***YBhg. Datuk Kang Chun Keong*** *(Until 8th July 2021)* | 4/8 |
| **YBrs. Puan Monaliza binti Suhaimi**<br>Pengurus Besar<br>***YBrs. Mdm. Monaliza binti Suhaimi***<br>*General Manager* | 8/8 |



# PEGAWAI-PEGAWAI KANAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 2021

## PENANG PORT COMMISSION SENIOR OFFICERS 2021

| | |
|---|---|
| Pengurus Besar<br>*General Manager* | **YBrs. Puan Monaliza binti Suhaimi** |
| Pengurus Kanan Operasi & Kawalselia<br>*Senior Operations & Regulatory Affairs Manager* | **Puan Norlida Saad binti Md. Saad** |
| Pengurus Kanan Korporat<br>*Senior Corporate Manager* | **Puan Maryati binti Ramli** |
| Pengurus Korporat<br>*Corporate Manager* | **Encik Jamaluddin bin Ahmad** |
| Pengurus Zon Perdagangan Bebas<br>*Free Commercial Zone Manager* | **Encik Shapudin bin Khalid** |
| Pengurus Kewangan<br>*Finance Manager* | **Encik Mohamad Safri bin Halim** |
| Penolong Pengurus Operasi<br>*Assistant Operations Manager* | **Tuan Haji Zulkeffli bin Md Desa** |
| Pengurus Keselamatan dan Kebombaan<br>*Security and Safety Manager* | **Encik Mohd Syarmizar bin Mhd Nasir** |



# CARTA ORGANISASI

## ORGANISATIONAL CHART





# PERUTUSAN PENGERUSI

# CHAIRMAN'S MESSAGE

Bagi pihak SPPP, saya dengan segala hormatnya membentangkan Laporan Tahunan SPPP bagi tahun 2021. Laporan tahunan ini merupakan medium untuk memaklumkan dan juga menerangkan pencapaian serta usaha SPPP untuk membangunkan Pelabuhan Pulau Pinang sepanjang tahun 2021. Kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2021 merupakan kayu pengukur kepada SPPP untuk terus komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik.

Pada tahun 2021, kendalian kontena di Pelabuhan Pulau Pinang adalah sebanyak 1,278,006 TEUs iaitu pengurangan sebanyak 109,981 TEUs (7.92%) daripada sejumlah 1,387,987 TEUs bagi tempoh yang sama pada tahun 2020.

Turut terkesan ialah operasi kruis di Pelabuhan Pulau Pinang yang telah dihentikan akibat Covid-19. Pengendalian kruis pada tahun 2021 hanya mencatatkan 44 buah kapal kruis berbanding 729 kapal kruis pada tahun 2020 manakala pengendalian penumpang di Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) adalah seramai 5,561 orang pada tahun 2021 berbanding seramai 254,424 orang pada tahun sebelumnya.

Walaupun harus berdepan dengan pelbagai cabaran terutamanya penularan wabak Covid-19, SPPP mampu mencatatkan beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan sepanjang tahun 2021. Antaranya ialah SPPP telah berjaya meningkatkan penjanaan hasil tahunan sebanyak 30%. Ia merupakan pencapaian yang membanggakan dan sudah semestinya ia merupakan hasil daripada komitmen seluruh warga kerja SPPP.

Selain itu, SPPP juga telah berjaya memajak lima buah feri ikonik Pulau Pinang kepada syarikat yang berkelayakan. Feri-feri akan diubah suai menjadi muzium terapung, restoran terapung dan feri pelancongan. SPPP juga berjaya memajak Gudang 5, 7 dan 8 serta bahagian darat Tanjung City Marina bagi pembangunan yang menyokong aktiviti kruis di SPCT. Ia sudah pasti akan meningkatkan sektor pelancongan di Pulau Pinang.

*On behalf of Penang Port Commission (PPC), I am honoured to present the PPC Annual Report for 2021. This annual report is an avenue to inform and simultaneously explain PPC's achievements and efforts undertaken to develop Penang Port throughout 2021. The accomplishment throughout 2021 is a yardstick for PPC to forge ahead in delivering outstanding service.*

*In 2021, container handling at Penang Port recorded 1,278,006 TEUs, indicating a reduction of 109,981 TEUs (7.92%) from 1,387,987 TEUs for the same period in 2020.*

*In a similar vein, the cruise operations at Penang Port were also halted owing to Covid-19. Cruise operations in 2021 at Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) recorded a mere 44 cruise ships compared to 729 cruise ships in 2020, while passenger handling saw a decline with 5,561 passengers in 2021 as compared to 254,424 passengers in the previous year.*

*Despite facing various challenges, especially the Covid-19 outbreak, PPC was able to record several notable achievements that can be proud of throughout 2021. Among them is PPC's annual revenue generation was increased by 30% and it was a reflection of full commitment showed by the PPC employees.*

*In addition, PPC has also successfully leased five of Penang's iconic ferries to eligible companies. The ferries will be converted into a floating museum, floating restaurant, and tourism ferry. PPC has also managed to lease Warehouse 5, 7, and 8 and Tanjung City Marina land area to support cruise activities at SPCT. It will undoubtedly boost the tourism sector in Penang.*



Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan, fungsi SPPP tidak terhad sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan sahaja, tetapi juga bertanggungjawab terhadap masyarakat dan komuniti di sekitar pelabuhan. Di saat negara sedang dilanda wabak pandemik, SPPP telah melaksanakan pelbagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu masyarakat dari pelbagai latar belakang.

Antara program yang telah dilaksanakan adalah sumbangan kepada Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu bagi membantu pihak sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) tahun 2021 susulan pandemik Covid-19 yang melanda negara. Selain itu, Program Sekolah Angkat yang bermula pada tahun 2019 juga diteruskan pada tahun 2021 melibatkan Sekolah Kebangsaan Kuala Perai. SPPP juga turut menyediakan 1,000 bakul makanan yang telah disumbangkan kepada pemandu teksi dan bas sekolah di utara semenanjung Malaysia yang terjejas akibat Covid-19. Keprihatinan SPPP diteruskan dengan sumbangan RM100,000 kepada pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi pengurusan banjir negara dengan harapan dapat meringankan pihak yang terkesan teruk akibat bencana banjir yang melanda negara pada bulan Disember 2021.

Pada tahun 2021 SPPP turut mencatatkan kejayaan sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dengan pelancaran *Emergency Response Coordination Plan* (ERCP). ERCP ini adalah penambahbaikan kepada *Emergency Response Plan* yang digunapakai sebelum ini di Pelabuhan Pulau Pinang.

SPPP merupakan sebuah Pihak Berkuasa Pelabuhan yang pertama di bawah Kementerian Pengangkutan yang telah mendapat pensijilan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) dari SIRIM Berhad pada 13 April 2021. Pensijilan tersebut menunjukkan SPPP komited dalam memastikan sifar rasuah dalam sistem penyampaian perkhidmatan SPPP.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengangkutan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, operator pelabuhan yang dilesenkan iaitu Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) serta pihak-pihak yang telah bersama SPPP dalam memajukan Pelabuhan Pulau Pinang.

Sekalung tahniah juga dirakamkan kepada Pihak Pengurusan dan seluruh warga SPPP yang telah bekerja keras untuk memastikan SPPP dan pelabuhan terus maju.

Terima kasih.

**YBhg. Datuk Tan Teik Cheng**
Pengerusi

*As a Federal Statutory Body under the Ministry of Transport, PPC's function is not limited to being a Port Authority but is also responsible for the society and communities around the port. When a pandemic outbreak struck the nation, PPC implemented various corporate social responsibility (CSR) programmes to help communities from various backgrounds.*

*Among the programmes implemented are donations to Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu to assist the school in the teaching and learning process at home (PDPR) in 2021. In addition, the Foster School Programme, initiated in 2019, was also continued in 2021 involving Sekolah Kebangsaan Kuala Perai. PPC donated 1,000 food baskets to taxi and school bus drivers in the North of Peninsular Malaysia affected by Covid-19. PPC further contributed RM100,000 to the National Disaster Management Agency (NADMA) for the country's flood management in the hope of relieving those severely affected by the floods that hit the country in December 2021.*

*The year 2021 also marked PPC's success as the Port Authority with the launch of the Emergency Response Coordination Plan (ERCP). This ERCP is the enhancement of the existing Emergency Response Plan used in Penang Port.*

*PPC is the first Port Authority to obtain Anti-Bribery Management System (ABMS) certification from SIRIM Berhad on 13th April 2021. The certification symbolised PPC's commitment in ensuring zero corruption in PPC's service delivery system.*

*I would like to take this opportunity to express my deepest gratitude and appreciation to the Ministry of Transport, the Penang State Government, the licensed port operator, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB), and all parties who have been with PPC to ameliorate Penang Port.*

*Also, congratulations to the Management and PPC staff for their hard work and effort in ensuring PPC and the port continue to prosper.*

*Thank you.*

***YBhg. Datuk Tan Teik Cheng***
*Chairman*



# LAPORAN PENGURUS BESAR

# GENERAL MANAGER'S REPORT

Pelabuhan Pulau Pinang berhadapan dengan keadaan ekonomi yang begitu mencabar susulan daripada penularan wabak Covid-19 yang bermula sejak tahun 2020. Hampir semua sektor ekonomi ditutup apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dilaksanakan pada bulan Mei 2021. Namun begitu, sektor perkhidmatan penting masih dibenarkan beroperasi termasuk operasi pelabuhan. Penularan Covid-19 ini terus meninggalkan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi dunia.

Impak daripada penularan tersebut ke atas ekonomi dapat dilihat dari segi kendalian kargo dengan jumlah kendaliannya secara keseluruhan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 29,178,716 tan dengan penurunan 2.85% iaitu sebanyak 855,912 tan dari jumlah 30,034,628 tan yang dikendalikan pada tahun 2020. Ini dapat dilihat dengan peningkatan sebanyak 2.79% bagi pengendalian kargo am yang disumbangkan oleh aktiviti eksport papan lapis (plywood) di mana pengeksport memilih untuk menggunakan penghantaran secara kargo konvensional yang lebih murah berbanding melalui kontena.

Kendalian kargo import bagi tahun 2021 ialah 15,931,915 tan manakala kendalian kargo eksport bagi tahun yang sama pula ialah 12,802,823 tan. Kendalian kargo transhipment adalah sebanyak 443,978 tan.

Jumlah kendalian kontena pada tahun 2021 ialah 1,278,006 TEUs, susut sebanyak 7.92% berbanding 1,387,987 TEUs pada tahun 2020. Antara penyumbang kepada penurunan kendalian tersebut adalah pengendalian laden eksport dan import mengalami penurunan masing-masing sebanyak 6.51% dan 3.55% disebabkan oleh kesesakan yang berlaku di pelabuhan utama seperti Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor yang menjejaskan pengendalian kontena di Pelabuhan Pulau Pinang.

*Penang Port experienced unprecedented economic challenges following the spread of the Covid-19 pandemic that began in 2020. Almost all economic sectors were shut down when the Movement Control Order (MCO) 3.0 was implemented in May 2021, but essential service sectors were still allowed to operate, including port operations. The Covid-19 contagion continued to have an impact on the world's economic growth.*

*The outbreak's impact on the economy can be seen in cargo handling, with its total handling volume of 29,178,716 tonnes in 2021, a decline of 2.85% reflecting a reduction of 855,912 tonnes from the total of 30,034,628 tonnes handled in 2020. Plywood exports accounted for 2.79% of the increase in total cargo handled, as shippers chose economical conventional freight delivery rather than containerised shipping.*

*The handling of import cargo for 2021 was 15,931,915 tonnes, while the handling of export cargo for the same year was 12,802,823. The transhipment cargo handled was 443,978 tonnes.*

*The total container handled in 2021 was 1,278,006 TEUs, a decrease of 7.92% compared to 1,387,987 TEUs in 2020. Among the contributors to the decline were the decrease in export and import laden handling, by 6.51% and 3.55% respectively, due to congestion at major ports such as Port Klang and Port Tanjung Pelepas, Johor, which subsequently affected container handling at Penang Port.*



Antara industri yang paling teruk terjejas akibat pandemik Covid-19 ialah industri kruis. Bagi mencegah penularan dan kewujudan kluster Covid-19, Kerajaan telah menghentikan operasi kruis di Malaysia buat sementara waktu.

Susulan daripada peralihan Negeri Pulau Pinang ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 8 November 2021, SPPP melalui Kementerian Pengangkutan telah memperoleh kebenaran untuk industri kruis domestik kembali beroperasi bermula 22 Disember 2021.

Pada tahun 2021, sejumlah 5,561 penumpang direkodkan di SPCT. Ia telah merosot sebanyak 97.81% berbanding 254,424 penumpang pada tahun 2020. Jumlah singgahan kapal-kapal kruis dan feri penumpang bagi tahun 2021 juga susut sebanyak 93.96% kepada 44 buah kapal berbanding 729 buah kapal pada tahun 2020. Ini adalah disebabkan pintu sempadan negara masih ditutup.

Projek naik taraf SPCT telah siap dilaksanakan pada 31 Mei 2021. Projek naik taraf tersebut melibatkan pembesaran dermaga dari 400 meter ke 660 meter dengan kos keseluruhan projek berkenaan adalah sebanyak RM177 juta. Kini, SPCT berupaya menerima dua buah kapal kruis bersaiz 'Oasis' untuk berlabuh pada satu-satu masa di SPCT. Ia dapat menampung sehingga 12,000 penumpang kruis berbanding 8,000 penumpang sebelum ini.

SPPP sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dan juga Badan Kawal Selia Pelabuhan Pulau Pinang telah menempa beberapa kejayaan yang signifikan dari aspek pengoperasian dan kawal selia pada tahun 2021. Antaranya ialah pewartaan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (PKBU) sebagai Zon Perdagangan Bebas bermula 1 Februari 2021. Pewartaan ini membolehkan aktiviti transhipment dilaksanakan di PKBU dan seterusnya meningkatkan pengendalian kontena sebanyak 50,000 TEUs setahun. Pewartaan tarif pelabuhan pada 9 September 2021 juga merupakan satu kejayaan dari segi pengoperasian dan kawal selia pelabuhan yang telah dicapai oleh SPPP.

Perjalanan SPPP sepanjang tahun 2021 disempurnakan lagi dengan penganjuran Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) Pelabuhan Pulau Pinang. PPVIN ini yang dilaksanakan di Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) bermula 3 Ogos 2021 hingga 20 September 2021 tersebut adalah bertujuan untuk menyokong Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK). Oleh itu, keselamatan persekitaran pelabuhan adalah terjamin.

*Among the industries worst affected by the Covid-19 pandemic was the cruise industry. To curb the spread and emergence of new Covid-19 clusters, the Government temporarily suspended cruise ship operations in Malaysia.*

*Following the transition of Penang to Phase 4 of the National Recovery Plan (PPN) starting 8th November 2021, PPC through the Ministry of Transport has obtained permission for the domestic cruise industry to resume operations starting 22nd December 2021.*

*In 2021, a total of 5,561 passengers were recorded at SPCT. It reflected a reduction of 97.81% compared to 254,424 passengers in 2020. The number of stopovers of cruise ships and passenger ferries for 2021 also decreased by 93.96% to 44 ships compared to 729 ships in 2020. This is due to the closure of the country's border.*

*The SPCT upgrading project was completed on 31st May 2021. The upgrading project involved the expansion of the pier from 400 meters to 660 meters, with a total cost of RM177 million. Currently, SPCT is able to accommodate two 'Oasis' sized cruise ships to dock simultaneously at SPCT. It can accommodate up to 12,000 cruise passengers compared to the previous capacity of 8,000.*

*PPC, as the Port Authority and the Regulatory Body, has achieved several significant successes from the operational and regulatory aspects in 2021. Among them is the gazettement of North Butterworth Container Terminal (NBCT) as a Free Commercial Zone starting 1st February 2021. This gazettement enabled transhipment activities to be carried out at NBCT and subsequently will increase container handling by 50,000 TEUs per year. The gazettement of the port tariff on 9th September 2021 was also a success in terms of port operations and regulation achieved by PPC.*

*Another interesting journey recorded by PPC was organizing the Penang Port Industrial Vaccination Center (PPVIN). This PPVIN was implemented at SPCT from 3rd August 2021 to 20th September 2021 to support the National Covid-19 Immunisation Programme (PICK). Hence, ensuring the safe environment at the port.*

Bagi tahun 2022, SPPP telah mengambil langkah proaktif dengan merancang beberapa program dan aktiviti pada masa akan datang yang merangkumi Pelan Induk Pelabuhan, pelancaran Polisi Pelabuhan Hijau dan sebagainya.

*For the year 2022, PPC has taken proactive steps by planning several future programs and activities, including the Port Master Plan and the launch of the Green Port Policy.*

Dari aspek pencapaian pelabuhan, prestasi keseluruhan adalah seperti berikut:-

*In terms of the port's achievements, the overall performance is as follows:-*

## PENGENDALIAN KARGO *CARGO HANDLING*

**Statistik Pengendalian Kargo Import, Eksport dan Transhipment (FWT)**
***Import, Export, and Transhipment Cargo Handling Statistics (FWT)***

| JENIS PENGENDALIAN *HANDLING TYPE* | 2021 | 2020 | Perbezaan (%) *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| Eksport *Export* | 12,802,823 | 13,359,970 | -4.17 |
| Import *Import* | 15,931,915 | 15,876,378 | 0.35 |
| Transhipment *Transhipment* | 443,978 | 798,280 | -44.38 |
| **Jumlah *Total*** | **29,178,716** | **30,034,628** | **-2.85** |

Jumlah pengendalian kargo bagi tahun 2021 keseluruhannya menurun sebanyak 2.85% dari 30,034,628 tan bagi tahun 2020 kepada 29,178,716 tan bagi tempoh yang sama tahun 2021.

*The overall cargo handling for the year 2021 decreased by 2.85% from 30,034,628 tonnes for the year 2020 to 29,178,716 tonnes for the same period in 2021.*

**Statistik Pengendalian Kargo Mengikut Jenis (FWT)**
***Cargo Handling Statistics by Type (FWT)***

| JENIS KARGO *CARGO TYPE* | 2021 | 2020 | Perbezaan (%) *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| Kargo Am *General Cargo* | 1,213,190 | 1,180,303 | 2.79 |
| Kontena *Containerized* | 21,328,577 | 21,743,003 | -1.91 |
| Pukal Kering *Dry Bulk* | 2,920,996 | 3,342,980 | -12.62 |
| Pukal Cecair *Liquid Bulk* | 3,715,953 | 3,768,342 | -1.39 |
| **Jumlah *Total*** | **29,178,716** | **30,034,628** | **-2.85** |

Keadaan ekonomi global bagi tahun 2021 masih di peringkat pemulihan ketika situasi dunia yang berada dalam pandemik Covid-19. Ini dapat dilihat dengan penurunan sebanyak 2.79% bagi pengendalian kargo am yang disumbangkan oleh aktiviti eksport papan lapis (plywood) di mana pengeksport memilih untuk menggunakan penghantaran secara kargo konvensional yang lebih murah berbanding melalui kontena.

*The global economic situation for the year 2021 was still in the recovery stage during the Covid-19 pandemic. This was reflected in a 2.79% increase in general cargo handling contributed by plywood export activities, where exporters opted to use cheaper conventional cargo shipments than containers.*

Selain itu, pengendalian kargo cecair mencatatkan penurunan sebanyak 1.39% susulan daripada pengurangan permintaan bagi penggunaan domestik produk petroleum semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

*Apart from that, the handling of liquid cargo also recorded a decrease of 1.39% following the reduction in demand for the domestic consumption of petroleum products during the Movement Control Order 3.0.*

Pengendalian bagi kargo pukal kering merekodkan penurunan sebanyak 12.62% kesan daripada peningkatan harga bagi komoditi jagung serta kesukaran pengeksport mendapatkan kapal yang menyebabkan kelewatan dalam aktiviti eksport oleh Petronas Chemical Fertilizer bagi komoditi baja.

*The handling of dry bulk cargo recorded a decrease of 12.62% due to rising prices for corn commodities and the difficulty of exporters in acquiring vessels which caused delays in export activities by Petronas Chemical Fertilizer for fertilizer commodities.*

Pengendalian kargo dalam kontena juga merekodkan penurunan sebanyak 1.91% kesan daripada perubahan penghantaran secara pukal melalui kargo konvensional yang lebih murah dan menjimatkan kos.

*Cargo handling in containers also recorded a 1.91% decrease due to changes in bulk shipments through cheaper and cost-effective conventional cargo.*



## PENGENDALIAN KONTENA *CONTAINER HANDLING*

**Statistik Pengendalian Kontena (dalam TEUs)**
***Container Handling Statistics (in TEUs)***

| JENIS PENGENDALIAN KONTENA *HANDLING OF CONTAINER BY TYPE* | 2021 | 2020 | Perbezaan (%) *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| Eksport *Export* | 605,504 | 647,634 | -6.51 |
| Import *Import* | 608,460 | 630,829 | -3.55 |
| Transhipment *Transhipment* | 64,042 | 109,524 | -41.53 |
| **Jumlah *Total*** | **1,278,006** | **1,387,987** | **-7.92** |

Pengendalian laden eksport dan import mengalami penurunan masing-masing sebanyak 6.51% dan 3.55% disebabkan oleh kesesakan yang berlaku di pelabuhan utama seperti Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas yang menjejaskan pengendalian kontena di Pelabuhan Pulau Pinang. Pengendalian laden dari Selatan Thailand melalui jalan darat iaitu dari Bukit Kayu Hitam mencatatkan peningkatan sebanyak 14.81%, namun melalui tren iaitu dari Padang Besar mencatatkan penurunan sebanyak 2.93%.

*The handling of export and import laden containers experienced a decline of 6.51% and 3.55% respectively, due to congestion at ports such as Port Klang and Port Tanjung Pelepas, which affected the handling of containers at Penang Port. The handling of laden containers from South of Thailand by road from Bukit Kayu Hitam recorded an increase of 14.81%, while via rail from Padang Besar decreased by 2.93%.*

Penurunan ini juga berkait dengan kekurangan kontena kosong dalam aktiviti eksport dan import yang masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 21% dan 32%. Ini adalah kerana kesan yang tidak menentu di pasaran China disebabkan penularan Covid-19 dan pergerakan pusingan kapal yang perlahan di pelabuhan Amerika Syarikat serta Eropah. Ini telah menyebabkan pelayaran kapal tertangguh untuk ke destinasi pelabuhan seterusnya yang turut menjejaskan operasi pengendalian kontena.

*The decline was also attributed to the shortage of empty containers in export and import activities which recorded a decrease of 21% and 32% respectively. This reduction is due to the uncertain impact on the Chinese market owing to the spread of Covid-19 and the slow turnaround time of ships in the United States and European ports. This has resulted in the delay of ships to the next port of destination.*

Aktiviti *transhipment* dari Kantang Port, Thailand mengalami penurunan drastik iaitu sebanyak 41.53% akibat kekurangan pengendalian eksport kayu getah dan getah *(latex)* susulan daripada pengurangan singgahan kapal dari 4 singgahan kepada 2 singgahan sahaja seminggu.

*Transhipment activity from Kantang Port, Thailand, experienced a drastic decrease of 41.53% due to lack of handling of rubber wood and latex exports following the reduction of ship calls from 4 to 2 calls a week.*



## SINGGAHAN KAPAL *SHIP CALLS*

**Statistik Singgahan Kapal (dalam unit)** ***Ship Call Statistics (in units)***

| JENIS KAPAL *TYPE OF SHIP* | 2021 | 2020 | Perbezaan (%) *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| Pukal Kering *Dry Bulk* | 151 | 159 | -5.03 |
| Pukal Cecair *Liquid Bulk* | 635 | 682 | -6.89 |
| Kargo Am *General Cargo* | 151 | 281 | -46.26 |
| Kontena *Container* | 1,077 | 1,313 | -17.97 |
| Lain-lain *Others* | 360 | 1,120 | -67.86 |
| **Jumlah *Total*** | **2,374** | **3,555** | **-33.22** |

Jumlah kapal yang singgah di Pelabuhan Pulau Pinang mengalami penurunan sebanyak 33.22% iaitu dari 3,555 buah kapal bagi tahun 2020 kepada 2,374 buah kapal bagi tempoh yang sama pada tahun 2021.

Faktor utama kepada penurunan jumlah singgahan kapal di Pelabuhan Pulau Pinang adalah disebabkan impak pandemik Covid-19 di peringkat global. Ini dapat dilihat dengan penurunan lain-lain kapal (67.86%), kapal kargo am (46.26%), kapal kontena (17.97%), kapal pukal cecair (6.89%) dan pukal kering (5.03%).

*The number of ships called at the Penang Port reduced by 33.22%, from 3,555 ships for the year 2020 to 2,374 ships for the same period in 2021.*

*The main factor for the decline in the number of ship calls at the Penang Port was the impact of the Covid-19 pandemic globally. This was reflected in the decline of other ships (67.86%), general cargo ships (46.26%), container ships (17.97%), liquid bulk ships (6.89%), and dry bulk (5.03%).*

## PERKHIDMATAN FERI *FERRY SERVICES*

**Statistik Perkhidmatan Feri (dalam unit)** ***Ferry Services Statistics (in units)***

| JENIS PERKHIDMATAN FERI *TYPE OF FERRY SERVICE* | 2021 | 2020 | Perbezaan (%) *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| Basikal *Bicycle* | 5,998 | 10,871 | -44.83 |
| Lori *Lorry* | 0 | 5,821 | 0.00 |
| Kereta *Car* | 0 | 226,695 | 0.00 |
| Motosikal *Motorcycle* | 302,423 | 418,326 | -27.71 |
| Pejalan kaki *Pedestrian* | 499,408 | 625,926 | -20.21 |
| **Jumlah *Total*** | **807,829** | **1,287,639** | **-37.26** |

Jumlah trafik perkhidmatan feri keseluruhannya mengalami penurunan sebanyak 479,810 penumpang (37.26%) iaitu dari 1,287,639 penumpang bagi tahun 2020 kepada 807,829 penumpang bagi tempoh yang sama tahun 2021.

Faktor utama penurunan pengendalian penumpang adalah disebabkan perkhidmatan feri tidak lagi mengangkut lori dan kereta bermula 1 Januari 2021.

Pada bulan Mei 2021, Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) yang hanya membenarkan pengoperasian pengangkutan awam termasuk feri penumpang beroperasi pada kapasiti 50% dalam usaha mengekang penularan wabak Covid-19.

Kebenaran aktiviti ekonomi yang terhad juga menyumbang kepada penurunan jumlah penumpang yang berulang-alik ke tempat kerja disebabkan Kerajaan hanya membenarkan beberapa sektor yang dianggap *essential* sahaja beroperasi.

*The total ferry service traffic experienced a reduction of 479,810 passengers (37.26%) from 1,287,639 passengers for the year 2020 to 807,829 passengers for the same period in 2021.*

*The main factor in the decline in passenger handling is that ferry services no longer transported lorries and cars from 1st January 2021.*

*In May 2021, the Government implemented the Movement Control Order (MCO 3.0), which only allowed the operation of public transport, including passenger ferries, to operate at 50% capacity in order to curb the spread of the Covid-19 pandemic.*

*The decrease in the number of passengers commuting to work was due to the decision of the Government to allow specific sectors deemed as essential to operate.*



## PENGENDALIAN KAPAL KRUIS DAN PENUMPANG *HANDLING OF PASSENGERS AND CRUISE SHIPS*

**Statistik Pengendalian Kapal di SPCT (dalam unit)** ***Handling of Ships Statistics at SPCT (in units)***

| JENIS KAPAL *TYPE OF SHIP* | 2021 | 2020 | Perbezaan (%) *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| **Antarabangsa *International*** | | | |
| Home Port *Home Port* | 0 | 3 | -100.00 |
| Transit *Transit* | 0 | 38 | -100.00 |
| **Tempatan *Local*** | | | |
| Harian *Daily* | 8 | 422 | -98.10 |
| Home Port *Home Port* | 2 | 6 | -66.67 |
| Feri Laju *Fast Ferry* | 0 | 214 | -100.00 |
| Lain-lain *Others* | 34 | 46 | -26.09 |
| **Jumlah *Total*** | **44** | **729** | **-93.96** |

Merujuk kepada statistik di atas, Lain-lain kapal merupakan kapal Home Port yang memasuki SPCT bagi tujuan pengambilan bahan mentah (makanan), air bersih dan penyelenggaraan kapal sahaja.

Akibat dari penularan wabak Covid-19 telah memberi kesan yang ketara kepada pengendalian kapal dan penumpang di SPCT disebabkan penutupan aktiviti kruis di Malaysia. Perkhidmatan feri laju dari Pulau Langkawi, Kedah juga tidak beroperasi sepanjang tempoh tahun 2021 walaupun Kerajaan membenarkan aktiviti merentas negeri bermula 11 Oktober 2021.

*Referring to the statistics above, Others refers to Home Port ships that enter SPCT for the purpose of taking raw materials (food), clean water and ship maintenance only.*

*The Covid-19 outbreak significantly impacted the handling of ships and passengers at SPCT due to the closure of cruise activities in Malaysia. Fast ferry services from Langkawi Island, Kedah, did not operate throughout 2021 even though the Government allowed cross-state activities from 11th October 2021.*

**Statistik Pengendalian Penumpang di SPCT (dalam unit)** ***Handling of Passengers Statistics at SPCT (in units)***

| PENUMPANG *PASSENGERS* | 2021 | 2020 | Perbezaan (%) *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| **Antarabangsa *International*** | | | |
| Home Port *Home Port* | 87 | 3 | -100.00 |
| Transit *Transit* | 85,691 | 38 | -100.00 |
| **Tempatan *Local*** | | | |
| Harian *Daily* | 3,615 | 126,629 | -97.15 |
| Home Port *Home Port* | 1,946 | 220 | 784.55 |
| Feri Laju *Fast Ferry* | 0 | 41,797 | -100.00 |
| **Jumlah *Total*** | **5,561** | **254,424** | **-97.81** |



## ZON PERDAGANGAN BEBAS *FREE COMMERCIAL ZONE*

**Statistik Zon Perdagangan Bebas (dalam tan)** ***Free Commercial Zone Statistics (in tonnes)***

| **JENIS PENGENDALIAN** *TYPE OF HANDLING* | **2021** | **2020** | **Perbezaan (%)** *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| Eksport *Export* | 10,824.98 | 17,412.07 | -37.8 |
| Import *Import* | 2,892.39 | 402.41 | 618.8 |
| Transhipment *Transhipment* | 397,596.04 | - | 100 |
| Tambah Nilai *Added Value* | 4,329.67 | 12,676.28 | -249.7 |
| **Jumlah** ***Total*** | **415,643.08** | **30,490.76** | **1,263.2** |

Kendalian dagangan di Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Pulau Pinang bagi tahun 2021 meningkat sebanyak 1,263.20%, terutamanya pada pengendalian transhipment yang merekodkan 397,596.04 tan berbanding sifar pengendalian bagi tempoh yang sama pada tahun 2020. Pengendalian eksport juga mencatatkan peningkatan sebanyak 618.80%. Namun begitu, kendalian dagangan untuk tahun 2021 untuk import (37.80%) dan tambah nilai (249.70%) menunjukkan kemerosotan.

*Trade operations at the Penang Port Free Commercial Zone for 2021 increased by 1,263.20%, mainly on transhipment operations which recorded 397,596.04 tonnes compared to zero operations for the same period in 2020. Handling of exports also recorded an increase of 618.80%. However, the trade performance for the year 2021 for imports (37.80%) and added value (249.70%) showed a decline.*



## DIARI AKTIVITI SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 2021

## *PENANG PORT COMMISSION ACTIVITIES DIARY 2021*

- **PENGERUSI SPPP MEMBUAT TINJAUAN TERHADAP OPERASI FERI PULAU PINANG PADA 1 JANUARI 2021**
- ***PPC CHAIRMAN CONDUCTED A SITE INSPECTION ON THE PENANG FERRY OPERATION ON 1ST JANUARY 2021***



Tinjauan tersebut adalah bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna feri laju sentiasa diambil perhatian dan berjalan lancar seperti dirancang. Operasi feri bermula pada jam 6.30 pagi dan sehingga jam 10.00 malam, dianggarkan purata 2,000 orang menggunakan perkhidmatan feri tersebut setiap hari.

*The objective of this site inspection was to assess the level of comfort and safety of fast ferry users as well as ensuring ferry operations run as planned. The ferry service operates from 6.30 am until 10.00 pm. On average, 2,000 people have used the ferry service.*

- **PENGERUSI SPPP LAWAT PANGKALAN KONTENA BUTTERWORTH UTARA (PKBU) SEMASA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP 3.0)**
- ***PPC CHAIRMAN VISITED THE NORTH BUTTERWORTH CONTAINER TERMINAL (NBCT) DURING THE IMPLEMENTATION OF THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO 3.0)***





Lawatan pada 13 Januari 2021 adalah untuk memastikan kerja-kerja pelepasan kargo berjalan lancar dan bekalan barangan keperluan kepada rakyat tidak terjejas terutama menjelang perayaan Tahun Baru Cina.

*The visit on 13th January 2021 was to ensure that cargo clearance operations ran smoothly and the supply of essential goods to the public was not affected prior to the Chinese New Year celebration.*

- **PERSATUAN KEBAJIKAN EMPUNYA DAN PEMANDU TEKSI JETI PULAU PINANG TERIMA KELULUSAN DUA TAPAK KHAS TEKSI DI SPCT**
- ***PENANG JETTY TAXI OWNERS AND DRIVERS WELFARE ASSOCIATION RECEIVED APPROVAL FOR TWO SPECIAL TAXI SITES AT SPCT***





Pengerusi Persatuan iaitu Encik Tan Siew Kuan menyampaikan penghargaan kepada Pengerusi SPPP pada 16 Februari 2021 berikutan kelulusan dua tapak khas teksi semasa mengadakan lawatan bersama Pengerusi SPPP ke tapak khas teksi.

*The Chairman of the Association, Mr. Tan Siew Kuan, conveyed his appreciation to the Chairman of PPC on 16th February 2021 following the approval of two special taxi sites during a visit with the Chairman of PPC to the special taxi site.*

- **KONSUL JENERAL NEGARA JEPUN ADAKAN LAWATAN KERJA KE ZON PERDAGANGAN BEBAS PKBU PADA 9 MAC 2021**
- ***THE CONSUL GENERAL OF JAPAN HELD A WORKING VISIT TO THE NBCT FREE COMMERCIAL ZONE ON 9TH MARCH 2021***





Tujuan lawatan adalah untuk mendapatkan maklumat berkenaan pentadbiran dan pengoperasian PKBU setelah diwartakan sebagai Zon Perdagangan Bebas pada 1 Februari 2021.

*The visit aimed at acquiring information on the administration and operation of NBCT after it was gazetted as a Free Commercial Zone on 1st February 2021.*



- **PENGURUS BESAR SPPP MENGADAKAN TINJAUAN OPERASI FERI DI SPCT, PSAH DAN PRTU PADA 18 MAC 2021**
- ***THE GENERAL MANAGER OF PPC HELD A SITE INSPECTION ON FERRY OPERATIONS AT SPCT, PSAH, AND PRTU ON 18TH MARCH 2021***





Tinjauan tersebut dilaksanakan adalah bagi memantau operasi feri di terminal sementara penumpang pejalan kaki di SPCT, PSAH dan PRTU di samping melihat dengan lebih dekat feri Roll On Roll Off (RORO) yang dijangka akan digunakan oleh PPSB pada bulan April 2021 untuk pengendalian motosikal dan basikal.

*The site inspection was carried out to monitor ferry operations at the temporary pedestrian passenger terminals at SPCT, PSAH, and PRTU. It also aimed to take a closer look at the Roll On Roll Off (RORO) ferry, which was expected to be used by PPSB in April 2021 for the handling of motorcycles and bicycles.*

- **TAKLIMAT PENTADBIRAN / OPERASI ZON PERDAGANGAN BEBAS PKBU DAN LIBAT URUS BERSAMA AGENSI KERAJAAN LAIN**
- ***ADMINISTRATIVE / OPERATIONS BRIEFING ON THE NBCT FREE COMMERCIAL ZONE AND ENGAGEMENT WITH OTHER GOVERNMENT AGENCIES***







Program yang diadakan pada 1 April 2021 tersebut bertujuan untuk memberikan penerangan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Pelabuhan (JKPP) Pulau Pinang berkenaan pentadbiran dan pengoperasian Pangkalan Kontena Butterworth Utara yang diwartakan sebagai Zon Perdagangan Bebas pada 1 Februari 2021.

*The programme, held on 1st April 2021, aimed to provide information to Port Consultative Committee (PCC) members regarding the administration and operation of NBCT, which was gazetted as a Free Commercial Zone on 1st February 2021.*

- **PENGERUSI PERSATUAN IMPORT DAN EKSPORT PULAU PINANG LAWAT SPPP PADA 19 APRIL 2021**
- ***THE CHAIRMAN OF THE PENANG IMPORTERS AND EXPORTERS ASSOCIATION VISITED PPC ON 19TH APRIL 2021***






Rombongan lawatan telah disambut oleh Pengerusi SPPP YBhg. Datuk Tan Teik Cheng yang turut memberikan penerangan tentang operasi pelabuhan.

*PPC's Chairman YBhg. welcomed the delegates. Datuk Tan Teik Cheng also threw light on port operations.*

- **MAJLIS PENCAPAIAN ULUNG OPERASI 'TRANSHIPMENT' PERTAMA DI NBCT**
- ***AN INAUGURAL ACHIEVEMENT CEREMONY OF THE FIRST TRANSHIPMENT OPERATION AT NBCT***









Majlis yang diadakan pada 29 April 2021 telah dirasmikan oleh Pengerusi SPPP Datuk Tan Teik Cheng bagi menyambut kapal Ever Chant milik Evergreen iaitu kapal pertama yang menjalankan operasi sulung Zon Perdagangan Bebas (ZPB) di NBCT.

*The ceremony held on 29th April 2021 was officiated by PPC Chairman Datuk Tan Teik Cheng to welcome Evergreen's Ever Chant, the first ship to operate the Free Commercial Zone (FCZ) activities at NBCT.*



- **MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2021**
- ***THE LAUNCH OF THE NATIONAL MONTH AND FLYING THE JALUR GEMILANG 2021***





YBhg. Datuk Pengerusi SPPP dan YBrs. Puan Pengurus Besar telah meluangkan masa untuk melepaskan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) yang bermula dari SPCT pada 7 Ogos 2021.

*PPC's Chairman YBhg. and Madam General Manager YBrs. had taken the time to set the 'Merdeka Jalur Gemilang' (KMJG) convoy in motion, which kicked off from SPCT on 7th August 2021.*

- **SUMBANGAN BAKUL MAKANAN**
- ***FOOD BASKET DONATION***



SPPP telah menerima sumbangan 50 bakul makanan daripada Kuwait Finance House pada 1 September 2021. Bakul makanan tersebut seterusnya telah disumbangkan kepada Sekolah Kebangsaan Kuala Perai, Butterworth dan Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu, Permatang Pauh untuk diedarkan kepada keluarga yang terkesan akibat Covid-19.

*PPC received a donation of 50 food baskets from the Kuwait Finance House on 1st September 2021. The food baskets were then donated to Sekolah Kebangsaan Kuala Perai, Butterworth, and Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu, Permatang Pauh, to be distributed to families affected by Covid-19.*

- SPPP TERIMA KUNJUNGAN RASMI DARI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN PADA 9 SEPTEMBER 2021
- *PPC RECEIVED AN OFFICIAL VISIT FROM THE MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRY ON 9TH SEPTEMBER 2021*





Kunjungan rasmi oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Ronald Kiandee dan juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh adalah untuk meninjau perkembangan industri perikanan tuna negara di Dermaga Air Dalam Butterworth.

*The official visit by the Minister of Agriculture and Food Industry, YB Datuk Seri Ronald Kiandee, and His Deputy, YB Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh were to inspect the development of the country's tuna fishing industry at Butterworth Deep Water Wharves (BDWW).*

- LAWATAN MAQIS NEGERI PULAU PINANG KE SPPP PADA 11 OKTOBER 2021
- *VISIT OF PENANG STATE MAQIS TO PPC ON 11TH OCTOBER 2021*





Kunjungan tersebut adalah untuk membincangkan hal-hal berkaitan operasi dan penguatkuasaan MAQIS di Pelabuhan Pulau Pinang bagi memastikan operasi pemeriksaan dan pergerakan kargo di Pelabuhan Pulau Pinang berjalan lancar.

*The visit was to discuss matters related to the operations and enforcement of MAQIS at the Penang Port to ensure inspection and cargo movement operations at the Penang Port ran smoothly.*

- MAJLIS RESEPSI MAKAN MALAM SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN IMO MALAYSIA
- *DINNER RECEPTION TO CELEBRATE 50 YEARS OF IMO MALAYSIA*




Pengerusi SPPP, YBhg. Datuk Tan Teik Cheng bersama Pengurus Besar SPPP, Puan Monaliza binti Suhaimi telah menghadiri Majlis Resepsi Makan Malam Sempena 50 Tahun International Maritime Organization (IMO) Malaysia di Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur pada 11 November 2021. Majlis tersebut dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong.

*PPC Chairman, YBhg. Datuk Tan Teik Cheng and PPC General Manager Puan Monaliza binti Suhaimi attended the Dinner Reception in conjunction with the 50th Anniversary of the International Maritime Organization (IMO) Malaysia at the Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur, on 11th November 2021. The Minister of Transport, YB Datuk Seri Ir Dr. Wee Ka Siong, officiated the ceremony.*

- MESYUARAT PIHAK BERKUASA PELABUHAN MALAYSIA BIL. 3
- *THIRD MALAYSIAN PORT AUTHORITY MEETING*





SPPP pada 15 November 2021 telah mempengerusikan Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelabuhan Malaysia Bil. 3 yang diadakan di G Hotel Gurney, Pulau Pinang. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Pengurus Besar dan wakil daripada Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) dan Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB). Mesyuarat ini merupakan platform bagi semua Pengurus Besar pelabuhan untuk berbincang dan berkongsi maklumat yang dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

*PPC chaired the Third Malaysian Port Authority Meeting on 15th November 2021, held at G Hotel Gurney, Penang. The meeting was attended by the General Manager and representatives from Port Klang Authority (LPK), Johor Port Authority (LPJ), Kuantan Port Authority (LPKtn), and Bintulu Port Authority (LPB). This meeting was a platform for all port General Managers to discuss and share information on the improvement of service delivery system.*

- **MAJLIS PELANCARAN EMERGENCY RESPONSE COORDINATION PLAN (ERCP) PENANG PORT COMMISSION DAN LATIHAN MENANGANI KECEMASAN DI PELABUHAN PULAU PINANG 30 NOVEMBER 2021**
- ***PENANG PORT COMMISSION'S EMERGENCY RESPONSE COORDINATION PLAN (ERCP) LAUNCHING CEREMONY AND EMERGENCY RESPONSE TRAINING AT PENANG PORT ON 30TH NOVEMBER 2021***





Pelan ERCP dijadikan sebagai panduan dan mengandungi langkah-langkah dan peranan pihak berkepentingan di pelabuhan semasa berlaku kecemasan di dalam Pelabuhan Pulau Pinang. Koordinasi yang tersusun dalam pengurusan pelan tindakan kecemasan di dalam kawasan pelabuhan mampu meningkatkan tahap kesiapsiagaan dan keberkesanan pelabuhan dalam menangani kecemasan.

*The ERCP acts as a guide to stakeholders in the port during emergency. A well-coordinated management of emergency response plan within the port area will increase the level of preparedness and effectiveness of the port in dealing with emergencies.*

- **SIDANG AKHBAR MENGENAI PEMBUKAAN KEMBALI AKTIVITI KRUIS DOMESTIK DI SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL (SPCT) PADA 4 DISEMBER 2021**
- ***PRESS CONFERENCE ON THE REOPENING OF DOMESTIC CRUISE ACTIVITIES AT SPCT ON 4TH DECEMBER 2021***





Sidang akhbar tersebut adalah bertujuan untuk memaklumkan bahawa aktiviti pelayaran kruis domestik akan bermula pada 22 Disember 2021 dengan pelayaran kapal Star Pisces. Keselamatan penumpang adalah elemen yang amat dititikberatkan. Hanya penumpang yang disahkan negatif Covid-19 sahaja dibenarkan menaiki kapal tersebut.

*The press conference was intended to inform the commencement of domestic cruise activities on 22nd December 2021 with the Star Pisces cruise. The safety of the passengers is a vital element in which only passengers who are confirmed Covid-19 negative are allowed to embark the ship.*





- **PERHIMPUNAN PERTUBUHAN MARITIM ANTARABANGSA (IMO) KE-32**
- ***32ND INTERNATIONAL MARITIME ORGANIZATION (IMO) ASSEMBLY***







Perhimpunan yang diadakan pada 18 Disember 2021 merangkumi pelbagai pengisian yang sudah pasti membawa kebaikan kepada sektor pengangkutan di Malaysia. Contohnya semasa Sidang Pleno, semua delegasi berpeluang untuk bertukar pandangan berkaitan penambahbaikan sektor pengangkutan.

*The assembly on 18th December 2021 encompassed a variety of content that undoubtedly brought benefits to the transportation sector in Malaysia. For example, during the Plenary Session, all delegates had the opportunity to exchange views on improving the transport sector.*

- **PROGRAM RETREAT SPPP PADA 18 DISEMBER 2021**
- ***PPC RETREAT PROGRAMME ON 18TH DECEMBER 2021***






Tujuan utama Program Retreat SPPP adalah untuk membangunkan strategi dan pelan tindakan sepanjang tahun 2022 serta mengukuhkan lagi semangat berkerjasama dalam kalangan warga SPPP.

*The objective of the PPC Retreat Programme is to develop strategies and action plan throughout 2022 as well as strengthening teamwork among PPC staff.*



- **MAJLIS PELANCARAN PEMBUKAAN SEMULA INDUSTRI KRUIS DI MALAYSIA**
- ***REOPENING OF THE CRUISE INDUSTRY IN MALAYSIA LAUNCH CEREMONY***





SPPP amat berbesar hati menerima kunjungan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong ke majlis pembukaan semula aktiviti kruis di Malaysia yang diadakan pada 23 Disember 2021.

*PPC was honoured to receive a visit from the Minister of Transport, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong to the reopening ceremony of cruise activities in Malaysia held on 23rd December 2021.*



- **LAWATAN KERJA SPPP KE PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) PADA 30 DISEMBER 2021**
- ***PPC WORKING VISIT TO RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC) ON 30TH DECEMBER 2021***










Lawatan tersebut adalah untuk melihat dan berbincang dengan pihak RAC berkenaan pembangunan dan pelaksanaan sistem Railway Asset Intelligence Systems (RAILS) dan Government Resource Planning (GRP 9) yang digunapakai oleh RAC. SPPP dapat menilai sejauh mana sistem yang digunapakai di RAC dapat menambahbaik pengurusan aset dan kegunaannya di SPPP.

*The visit with RAC was to discuss on the development and implementation of the Railway Asset Intelligence Systems (RAILS) and Government Resource Planning (GRP 9) adopted by RAC. PPC was able to assess how the system adopted in RAC can improve its asset management and its usefulness in PPC.*





# PELABURAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG DI DALAM IPOH CARGO TERMINAL (ICT)

## PENANG PORT COMMISSION'S INVESTMENT IN IPOH CARGO TERMINAL (ICT)

- Ipoh Cargo Terminal (ICT) ialah sebuah pelabuhan darat (inland port) yang pertama di Malaysia dan Asia Tenggara.
- ICT menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelanggan dan penggunanya di kawasan perindustrian Perak. Antara kemudahan yang disediakan ialah pengendalian kargo, membaiki dan menyelenggara kontena serta perkhidmatan timbang muatan.
- Pada tahun 2021, ICT mengendalikan kontena sebanyak 22,533 TEUs, meningkat 5.18% berbanding 21,424 TEUs yang dikendalikan pada tahun 2020.
- Pemegang-pemegang saham ICT adalah terdiri daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad (30%), Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (25%) dan Lembaga Pelabuhan Kelang, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Lembaga Pelabuhan Johor masing-masing memegang saham sebanyak (15%).

- *Ipoh Cargo Terminal (ICT) is the first inland port in Malaysia and Southeast Asia.*
- *ICT provides various facilities to its customers and users in Perak industrial area. Among the facilities provided are cargo handling, repairing and maintaining containers, and cargo weighing services.*
- *In 2021, ICT handled 22,533 TEUs of containers, an increase of 5.18% compared to the 21,424 TEUs handled in 2020.*
- *The shareholders of ICT are made up of Keretapi Tanah Melayu Berhad (30%), Perak State Development Corporation (25%) and Kelang Port Authority, Penang Port Commission, and Johor Port Authority each holding shares amounting to (15%).*

## PRESTASI PELABUHAN PULAU PINANG 2021 *PENANG PORT'S PERFORMANCE 2021*

### Pengendalian Kargo Import, Eksport dan Transhipment di Pelabuhan Pulau Pinang
### *Handling of Import, Export and Transhipment Cargo at Penang Port*




### Jumlah Pengendalian Kontena
### *Total Handling of Container*




### Jumlah Pengendalian Kargo Mengikut Jenis
### *Total Handling of Cargo by Type*




### Jumlah Singgahan Kapal
### *Total Ship Calls*



## Jumlah Trafik Perkhidmatan Feri
*Total Ferry Service Traffic*




## Jumlah Pengendalian Penumpang
*Total Handling of Passengers*




## Jumlah Pengendalian Kapal di SPCT
*Total Handling of Ships by Type at SPCT*





# PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

## PENANG PORT COMMISSION FINANCIAL STATEMENT



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 7 hingga 29.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:





a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:



**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(MAZMIZA BINTI MIHAT)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KEPALA BATAS, PULAU PINANG
26 OGOS 2022

## PENYATA PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA

Kami, DATUK TAN TEIK CHENG dan PUAN MONALIZA BINTI SUHAIMI yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

| Bagi pihak Lembaga | | Bagi pihak Lembaga | |
|---|---|---|---|
| NAMA | : DATUK TAN TEIK CHENG | NAMA | : MONALIZA BINTI SUHAIMI |
| GELARAN | : PENGERUSI | GELARAN | : AHLI LEMBAGA |
| TARIKH | : 11 MAY 2022 | TARIKH | : 11 MAY 2022 |
| TEMPAT | : PULAU PINANG | TEMPAT | : PULAU PINANG |



## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Saya, MOHAMAD SAFRI BIN HALIM, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di Pulau Pinang )
KEPALA BATAS, PULAU PINANG
Pada hari bulan 11 MAY 2022

(MOHAMAD SAFRI BIN HALIM)

Di hadapan saya

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
NO. P161
ROSNI BINTI DARUS
01.01.2022 - 31.12.2024

No. 33, Tingkat Bawah,
Jalan Dagangan 3,
Pusat Bandar Bertam Perdana,
13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

*PENANG PORT COMMISSION*

## *STATEMENT OF FINANCIAL POSITION AS OF 31ST DECEMBER 2021*

| | NOTA *NOTES* | 2021 RM | 2020 RM (dinyatakan semula *as restated*) |
|---|---|---|---|
| **ASET** *ASSETS* | | | |
| **Aset Semasa** *Current Assets* | | | |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai *Cash and Cash Equivalents* | 4 | 8,383,029 | 19,369,321 |
| Simpanan Tetap dalam Institusi Kewangan Berlesen (matang melebihi 3 bulan) *Fixed Deposit in Licensed Financial Institutions (matured exceeding 3 months)* | | | |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima *Receivable Exchange Transactions* | 5 | 83,800,000 | 53,600,000 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan | 6 | 8,974,961 | 8,114,203 |
| *Other Accounts Receivable, Deposits and Advances* | | 1,813,029 | 316,738 |
| Cukai Boleh Dituntut Semula *Tax Recoverable* | 7 | 28,279 | - |
| Pinjaman Kakitangan Jangka Pendek *Short-Term Staff Loan* | 8 | 72,825 | 79,321 |
| **Jumlah Aset Semasa** ***Total Current Assets*** | | 103,072,123 | 81,479,583 |
| **Aset Semasa Bukan** *Non-Current Assets* | | | |
| Pinjaman Kakitangan Jangka Panjang *Long-Term Staff Loan* | 8 | 288,306 | 352,073 |
| Pelaburan Jangka Panjang *Long-Term Investment* | 9 | 1 | 75,000 |
| Hartanah Pelaburan *Investment Property* | 10 | 431,126 | 447,389 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan *Property, Plant and Equipment* | 11 | 295,822,282 | 296,200,413 |
| Aset Tak Ketara *Intangible Assets* | 12 | 397,742 | 275,190 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** ***Total Non-Current Assets*** | | 296,939,457 | 297,350,065 |
| **JUMLAH ASET** ***TOTAL ASSETS*** | | 400,011,580 | 378,829,648 |
| **LIABILITI** ***LIABILITY*** | | | |
| **Liabiliti Semasa** *Current Liability* | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru *Other Payables and Accruals* | 13 | 7,569,636 | 2,036,068 |
| Cukai yang kena dibayar *Tax Payable* | 8 | - | 37,764 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** ***Total Current Liability*** | | 7,569,636 | 2,073,832 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** *Non-Current Liability* | | | |
| Manfaat Pekerja *Employee Benefits* | 14 | 965,239 | 841,993 |
| Geran Tertunda *Deferred Grants* | 15 | 185,200,839 | 182,106,787 |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** ***Total Non-Current Liability*** | | 186,166,078 | 182,948,780 |
| **JUMLAH LIABILITI** ***TOTAL LIABILITIES*** | | 193,735,714 | 185,022,612 |
| **ASET BERSIH** ***NET ASSETS*** | | 206,275,866 | 193,807,036 |
| **ASET BERSIH / EKUITI** ***NET ASSETS / EQUITY*** | | | |
| Lebihan Terkumpul *Accumulated Surpluses* | | 206,275,866 | 193,807,036 |
| **JUMLAH ASET BERSIH / EKUITI** ***TOTAL NET ASSETS / EQUITY*** | | 206,275,866 | 193,807,036 |

Penyata Kedudukan Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.

*The above Statement of Financial Position is to be read in conjunction with the notes to the financial statements.*



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

*PENANG PORT COMMISSION*

## *STATEMENT OF FINANCIAL PERFORMANCE FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

| | NOTA *NOTES* | 2021 RM | 2020 RM (dinyatakan semula *as restated*) |
|---|---|---|---|
| **HASIL PENGURUSAN** ***MANAGEMENT REVENUE*** | | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran *Non-Exchange Transactions* | 15 | 4,705,948 | 2,856,542 |
| Urus Niaga Pertukaran *Exchange Transactions* | 16 | 32,877,113 | 27,022,568 |
| **JUMLAH HASIL** ***TOTAL REVENUE*** | | 37,583,061 | 29,879,110 |
| **BELANJA MENGURUS** ***OPERATING EXPENSES*** | | | |
| Emolumen *Emolument* | 17 | 7,158,493 | 6,568,550 |
| Perkhidmatan dan Bekalan *Services and Supplies* | 18 | 7,431,535 | 7,220,847 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap *Grants and Fixed Charges* | | 31,529 | 39,500 |
| Latihan dan Perbelanjaan Pembangunan Lain *Training and Other Development Expenditure* | | 417,621 | 165,980 |
| Perbelanjaan Mengurus Lain *Other Management Expenses* | | 387,013 | 480,516 |
| Susut Nilai Aset Bukan Semasa *Depreciation of Non-Current Assets* | 19 | 9,017,088 | 8,182,841 |
| Pelunasan Aset Tak Ketara *Amortisation of Intangible Assets* | 12 | 201,999 | 205,604 |
| Perbelanjaan Lain *Other Expenses* | 20 | 76,020 | 396,265 |
| **JUMLAH BELANJA** ***TOTAL EXPENSES*** | | 24,721,298 | 23,260,103 |
| **LEBIHAN SEBELUM** ***SURPLUS BEFORE*** | | 12,861,763 | 6,619,007 |
| **CUKAI** ***TAXATION*** | | (392,933) | (477,356) |
| Cukai *Taxation* | 21 | 12,468,830 | 6,141,651 |
| **LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN** ***NET SURPLUS OF THE YEAR*** | | | |

Penyata Prestasi Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.

*The above Statement of Financial Performance is to be read with the notes of the financial statements.*

## PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

*PENANG PORT COMMISSION*

## *STATEMENT OF CHANGE OF NET ASSET/EQUITY FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

| | Lebihan Terkumpul *Accumulated Surpluses* RM |
|---|---|
| **Baki pada 1 Januari 2020** *Balance as at 1st January 2020* | 187,665,385 |
| **Lebihan Bersih** *Net Surplus* | 6,141,651 |
| **Baki pada 31 Disember 2020** *Balance as at 31st December 2020* | 193,807,036 |
| **Lebihan Bersih** *Net Surplus* | 12,468,830 |
| **Baki pada 31 Disember 2021** *Balance as at 31st December 2021* | 206,275,866 |

Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
*The above Statement of Change of Net Asset/Equity is to be read with the notes to the financial statements.*





## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

*PENANG PORT COMMISSION*

## *CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** *CASH FLOW FROM OPERATING ACTIVITIES* | | |
| **Terimaan** *Receipts* | | |
| Sewa pajakan *Lease Rental* | 21,674,899 | 12,081,139 |
| Pendapatan Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) *PPC (Teluk Ewa) Management Income* | 2,500,000 | 2,500,000 |
| Pendapatan Lesen *License Fee* | 113,836 | 133,470 |
| Pelbagai Pendapatan *Other Incomes* | 4,407,361 | 5,752,105 |
| Terimaan Lain *Other Receipts* | 26,118 | 2,257,415 |
| **Bayaran** *Payment* | | |
| Bayaran Emolumen *Emolument Payment* | (7,035,247) | (6,524,785) |
| Bayaran Pekhidmatan dan Bekalan *Payment of Services and Supplies* | (1,897,967) | (6,682,259) |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap *Grants and Fixed Charges* | (31,529) | (39,500) |
| Bayaran Latihan dan Perbelanjaan Pembangunan Lain *Training and Other Development Expenditure* | (417,621) | (165,980) |
| Bayaran Kepada Lain-lain Pembekal *Payment to Other Suppliers* | (387,013) | (480,516) |
| Bayaran Lain *Other Payments* | (458,976) | (425,120) |
| Aliran tunai bersih dijana dari aktiviti operasi *Net cash flow generated from operation activities* | 18,493,861 | 8,405,969 |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** *CASH FLOW FROM INVESTMENT ACTIVITIES* | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan *Purchase of property, plant and equipment* | (822,699) | (472,808) |
| Pembelian aset tak ketara *Purchase of intangible assets* | (324,551) | (181,373) |
| Terimaan dari jualan hartanah, loji dan peralatan *Proceeds from sale of property, plant and equipment* | 114,570 | 1,317 |
| Tambahan simpanan tetap di institusi kewangan berlesen *Additional fixed deposit in licensed financial institutions* | (47,500,000) | (28,800,000) |
| Pengeluaran simpanan tetap di institusi kewangan berlesen *Withdrawal of fixed deposit in licensed financial institutions* | 17,300,000 | 22,500,000 |
| Pinjaman diberi *Loan disbursement* | (14,600) | (79,000) |
| Bayaran diterima atas pinjaman diberi *Repayment on loan disbursement* | 84,863 | 77,358 |
| Dividen diterima *Dividend received* | 109,192 | 153,805 |
| Faedah diterima *Interest received* | 1,573,072 | 2,241,701 |
| Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan *Net cash flow from investment activities* | (29,480,153) | (4,559,000) |
| Peningkatan / (Penurunan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai *Net (Decrease) / Increase in cash and cash equivalents* | (10,986,292) | 3,846,969 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari *Cash and cash equivalents as at 1st January* | 19,369,321 | 15,522,352 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember *Cash and cash equivalents as at 31st December* | 8,383,029 | 19,369,321 |
| Pelaburan Jangka Pendek *Short-Term Investment* | 6,147,506 | 6,038,313 |
| Simpanan Tetap Dalam Institusi Kewangan Berlesen (matang dalam tempoh 3 bulan) *Fixed Deposit in Licensed Financial Institutions (3-month maturity period)* | - | 7,500,000 |
| Baki Bank dan Wang Tunai *Bank and Cash Balances* | 2,235,523 | 5,831,008 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember *Cash and cash equivalents as at 31st December* | 8,383,029 | 19,369,321 |

Penyata Aliran Tunai di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
*The above Cash Flow Statement is to be read in conjunction with the notes to the financial statements.*

## PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

*PENANG PORT COMMISSION*

## *STATEMENT OF BUDGET COMPARISON AND ACTUAL AMOUNTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

| | BAJET ASAL *ORIGINAL BUDGET* | BAJET SEMAKAN SEMULA *REVISED BUDGET* | AMAUN SEBENAR *ACTUAL AMOUNTS* | PERBEZAAN *DIFFERENCE* |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| **HASIL PENGURUSAN** *MANAGEMENT REVENUE* | | | | |
| Sewa Pajakan *Lease Rental* | 23,670,665 | 19,708,333 | 18,074,899 | (1,633,434) |
| Pendapatan Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) *PPC (Teluk Ewa) Management Income* | 2,500,000 | 2,500,000 | 2,500,000 | - |
| Pelbagai Pendapatan *Other Incomes* | 7,301,000 | 8,398,999 | 10,434,498 | 2,035,499 |
| Pendapatan Lesen *License Fee* | 200,000 | 160,000 | 113,836 | (46,164) |
| | 33,671,665 | 30,767,332 | 31,123,233 | 355,901 |
| **LAIN-LAIN HASIL** *OTHER REVENUE* | | | | |
| Pendapatan Faedah *Interest Income* | 1,761,500 | 1,650,000 | 1,502,984 | (147,016) |
| Dividen *Dividend* | 200,000 | 115,000 | 110,213 | (4,787) |
| Lain-Lain Pendapatan *Miscellaneous Income* | - | - | 140,683 | 140,683 |
| | 1,961,500 | 1,765,000 | 1,753,880 | (11,120) |
| **JUMLAH HASIL** *TOTAL REVENUE* | 35,633,165 | 32,532,332 | 32,877,113 | 344,781 |
| **BELANJA PENGURUSAN** *OPERATING EXPENSES* | | | | |
| Emolumen *Emolument* | 7,000,610 | 7,000,610 | 7,158,493 | 157,883 |
| Perkhidmatan dan Bekalan *Services and Supplies* | 10,839,560 | 8,399,160 | 7,431,535 | (967,625) |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap *Grants and Fixed Charges* | 30,000 | 30,000 | 31,529 | 1,529 |
| Latihan dan Perbelanjaan *Training and Expenses* | | | | |
| Pembangunan Lain *Development Expenditure* | 650,000 | 300,000 | 417,621 | 117,621 |
| Perbelanjaan Lain *Other Expenses* | 489,000 | 471,000 | 387,013 | (83,987) |
| **JUMLAH BELANJA** *TOTAL EXPENSES* | 19,009,170 | 16,200,770 | 15,426,191 | (774,579) |
| **LEBIHAN SEBELUM CUKAI** *SURPLUS BEFORE TAXATION* | 16,623,995 | 16,331,562 | 17,450,922 | 1,119,360 |
| Cukai *Taxation* | (422,760) | (400,000) | (392,933) | 7,067 |
| **LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN** *NET SURPLUS FOR THE YEAR* | 16,201,235 | 15,931,562 | 17,057,989 | 1,126,427 |

Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.

*The above Statement of Comparison of Budget and Actual Amounts is to be read with the notes to the financial statements.*





## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

*PENANG PORT COMMISSION*

## *NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

**1. (a) PENUBUHAN**

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1956 di bawah Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, 1955.

Mulai 1 Januari 1994, operasi perkhidmatan pelabuhan dan feri di Pelabuhan Pulau Pinang telah diswastakan kepada pengendali berlesen iaitu Penang Port Sdn Bhd (PPSB) mengikut Akta Pelabuhan-pelabuhan (penswastaan) 1990. Mulai tarikh tersebut, SPPP bertindak sebagai Badan Kawal Selia di samping kekal sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan.

Berkuatkuasa 1 Januari 1999, SPPP telah dilantik sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dan juga Badan Kawal Selia bagi Jeti Teluk Ewa.

**(b) AKTIVITI UTAMA**

Aktiviti utama SPPP adalah sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan di bawah Penang Port Commission Act, 1955 dan Badan Kawal Selia di bawah Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990, yang mana SPPP bertanggungjawab untuk menyedia dan menyelenggarakan kemudahan-kemudahan, perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan dan feri, mempertingkatkan kemajuan, pembangunan dan penggunaan pelabuhan dan melaksanakan tanggungjawab kawalseliaan terhadap operator pelabuhan berlesen.

(c) Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ('RM') yang merupakan mata wang berfungsi SPPP dan nilai dibundarkan ke RM terdekat.

(d) Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 telah diluluskan oleh Lembaga Ahli-Ahli SPPP di mesyuaratnya pada 10 Mei 2022.

**2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING**

**(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

Penyata kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah kecuali jika sebaliknya dinyatakan di dalam penyata polisi persendirian.

Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang juga disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan menurut arahan yang terkandung dalam Seksyen 37(1) Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, 1955. Semua polisi perakaunan yang penting sepertimana dinyatakan berikut adalah sama dengan apa yang diterima pakai pada tahun sebelumnya.

***1. (a) ESTABLISHMENT***

*Penang Port Commission (PPC) was established on January 1st, 1956 under the Penang Port Commission Act, 1955.*

*The operations of the port and ferry services at Penang Port were privatised on the 1st of January 1994, to a licensed operator – Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) under the Ports (Privatisation) Act 1990. Since then, PPC acts as Port Authority and remains as the Regulatory Authority.*

*Effective 1st January 1999, PPC was appointed as the Port and Regulatory Authority for Teluk Ewa Jetty.*

***(b) MAIN ACTIVITIES***

*PPC's main activities as Port Authority under the Penang Port Commission Act, 1955 and as the Regulatory Authority under the Ports (Privatisation) Act 1990, whereby it is responsible for providing and maintaining port and ferry facilities and services as well as enhancing the progress, development and usage of the port, in addition to regulating licensed port operators.*

*(c) The financial statement is presented in Malaysian Ringgit (RM) which is the functional currency of PPC and the value is rounded to the nearest RM.*

*(d) The Financial Statements for the financial year ended 31st December 2021 have been approved by the Board of Members of PPC at its meeting on 10th May 2022.*

***2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES***

***(a) The Basis of Preparation of Financial Statements***

*The financial statements of the PPC have been prepared in accordance with the historical cost convention unless otherwise stated in the private policy.*

*The Penang Port Commission Financial Statement is prepared in accordance with the Malaysian Public Sector Accounting Standards and the orders contained in Section 37 (1) of the Penang Port Commission Act, 1955. All significant accounting policies stated at used are as per policies used in prior years.*

**(b) Pengiktirafan Hasil**

**i) Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran**

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut susutnilai projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.

**ii) Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran**

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada urusniaga pertukaran terdiri daripada sewa pajakan, pendapatan pengurusan dan lesen yang diiktiraf berdasarkan asas akruan di mana ianya adalah selaras dengan butir-butir perjanjian. Pendapatan faedah diiktiraf pada asas pengagihan mengikut tempoh yang mana mengambil kira keuntungan ke atas aset-aset terlibat. Pendapatan dividen dikenal pasti apabila hak untuk menerima telah ditetapkan.

**(c) Cukai**

Cukai pendapatan dikira ke atas pendapatan selain daripada pendapatan yang dikenakan dan dipungut secara langsung dan berhubungkait dengan fungsi utama SPPP serta diperuntukkan di bawah Penang Port Commission Act, 1955.

**(d) Aset Tak Ketara**

Aset Tak Ketara merupakan perisian komputer dan lesen perisian komputer yang dimiliki dipermodalkan berdasarkan kos yang tertanggung untuk memperolehi dan menggunakan perisian tertentu. Kos tersebut dilunaskan sepanjang anggaran hayat penggunaannya selama tiga tahun.

***(b) Revenue Recognition***

***i) Revenue From Non-Exchange Transactions***

*Non-exchange transactions will be recognised as an asset when there are future economic benefits or potential services expected to flow into the entity, it is caused by past events and the fair value of the asset can be reasonably measured. Non-exchange transactions recognised as assets should be recognised as revenue, except to the extent that liabilities are also recognized in respect of the same inflows as deferred in the statement of financial position. When the obligation for a liability has been satisfied, the entity shall reduce the carrying amount of the recognised liability and recognise an amount of revenue equal to the reduction.*

*Government grants that are not subject to certain future performance conditions such as managing grants are considered as revenue in the financial performance statement. Government grants subject to certain future performance conditions such as development grants are recognized as deferred grants and are amortised according to the depreciation of completed projects, purchased assets and consumables.*

***ii) Revenue From Exchange Transactions***

*Revenue from exchange transactions is recognised when it is probable that future economic benefits or potential services will flow to the entity and these benefits can be measured reliably.*

*Revenue from exchange transactions consists of lease rent, management income and license recognised on an accrual basis where it is consistent with the details of the agreement. Interest income is recognised on a distribution basis according to the period which takes into account the profit on the assets involved. Dividend income is recognised when the right to receive has been established.*

***(c) Taxation***

*Income tax is calculated on the income other than income charged and collected directly and in connection with the main functions of the PPC and provided for under the Penang Port Commission Act, 1955.*

***(d) Intangible Assets***

*Intangible Assets are computer software and computer software licenses that are capitalised based on the costs incurred to acquire and use the particular software. The costs are amortised over the estimated useful life for three years.*



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (samb.)
*PENANG PORT COMMISSION*
*NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021 (cont.)*

**(d) Aset Tak Ketara (Samb.)**

Kos yang berkaitan dengan pembangunan atau penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut tertanggung. Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dapat dikenal pasti serta unik yang dikawal oleh SPPP serta berkemungkinan boleh menjana faedah ekonomi yang melebihi kos bagi tempoh lebih dari satu tahun, diambil kira sebagai aset tak ketara. Kos tersebut termasuklah kos pekerja yang tertanggung hasil daripada pembangunan perisian dan suatu bahagian yang sesuai bagi overhed yang berkaitan.

Kos pembangunan perisian komputer yang diambil kira sebagai aset dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh anggaran hayat penggunaan, yang tidak melebihi 3 tahun.

**(e) Hartanah Pelaburan**

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Susut nilai dikenakan mulai dari tarikh aset itu diterima. Susut nilai diperuntukkan bagi semua pelaburan hartanah kecuali tanah hak milik bebas. Susut nilai hartanah pelaburan dikenakan mengikut kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah Pajakan | Mengikut tempoh pajakan |
| Bangunan, Binaan dan Jalan raya | 15 - 60 tahun |

Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada nilai bersih di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

**(f) Hartanah, Loji dan Peralatan**

(i) Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul.

(ii) Bermula tahun 2019, aset yang bernilai RM2,000 dan ke atas atau yang memerlukan penyelenggaraan secara berkala akan dipermodalkan sebagai Hartanah, loji dan peralatan.

***(d) Intangible Assets (Cont.***

*Costs associated with the development or maintenance of computer software programs are recognised when such costs are incurred. Costs that are directly attributable to identifiable and unique software products that are controlled by PPC and that are likely to generate economic benefits in excess of costs for a period of more than one year, are accounted for as intangible assets. Such costs include employee costs incurred as a result of software development and an appropriate portion of related overheads.*

*Computer software development costs accounted for as assets are amortised using the straight-line method over their estimated useful lives, which do not exceed 3 years.*

***(e) Investment Property***

*Investment Properties are properties held to generate rentals or capital appreciation or both. It does not include properties held for strategic purposes or for social services even the rent.*

*Initial recognition of investment properties acquired through exchange transactions are recognised at cost while revenue through non-exchange transactions is measured at fair value on the acquisition date. Subsequent to initial recognition, investment properties are stated at cost less accumulated depreciation and accumulated impairment losses.*

*Depreciation is charged from the date the asset is received. Depreciation is provided for all investment properties except freehold land. Depreciation of investment properties is charged on a straight-line basis over the estimated useful lives of the assets as follows:*

| | |
|---|---|
| *Lease Land* | *According to the lease term* |
| *Buildings, Construction and Roads* | *15 - 60 years* |

*Gains or losses on disposal of investment properties are recognised at net worth in the Statement of Financial Performance.*

***(f) Property, Plant and Equipment***

*(i) Property, Plant and Equipment are stated at cost, upon deduction of the accumulated depreciation.*

*(ii) Beginning from 2019, assets valued at RM2,000 and above or require scheduled maintenance are capitalised as Property, Plant and Equipment.*

**(f) Hartanah, Loji dan Peralatan (Samb.)**

(iii) Susut nilai diperuntukkan bagi semua hartanah, loji dan peralatan. Susut nilai dikenakan mulai dari tarikh aset itu diterima. Susut nilai dikenakan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan nilai aset-aset mengikut anggaran usia utamanya seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah Hak Milik Bebas | Tiada peruntukan susutnilai |
| Tanah Pajakan | Mengikut tempoh pajakan |
| Bangunan Pajakan | 60 tahun |
| Loji dan Mesin | 10 tahun |
| Kenderaan | 5 tahun |
| Ubahsuai Pejabat | 5 tahun |
| Kelengkapan Pejabat | 3 - 5 tahun |

**(g) Kerja Dalam Pelaksanaan**

Kerja dalam pelaksanaan meliputi bangunan/struktur yang sedang didirikan dan belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam pelaksanaan.

**(h) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan**

Nilai aset bukan kewangan yang dibawa disemak semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda rosotnilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset berkenaan akan dianggarkan.

Amaun yang boleh diperoleh semula merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka yang didiskaunnya. Amaun yang boleh diperoleh semula dijangka untuk aset individu atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

Kerugian rosotnilai dicaj terus kepada lebihan atau defisit. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset yang diiktiraf sebagai keterbalikan kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat amaun aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf sebelum ini. Kebalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau defisit dengan serta merta.

**(i) Geran Tertunda**

Merupakan sumbangan modal dari kerajaan kepada SPPP terhadap pembangunan dan pembinaan infrastruktur marin bagi penggalakan industri kapal layar dan marina serta industri kruis. Geran dilunaskan berasaskan kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat kegunaannya.

***(f) Property, Plant and Equipment (cont.)***

*(iii) Depreciation is provided on all property, plant and equipment. Depreciation is imposed from the date of acquisition of the assets. Depreciation is provided based on a straight-line method so as to write off the cost or valuation of the assets over their estimated useful lives as follows:*

| | |
|---|---|
| Freehold Land | No accumulated depreciation |
| Leasehold Land | According to the lease term |
| Leasehold Building | 60 years |
| Plant and Machinery Vehicle | 10 years |
| Vehicle | 5 years |
| Office Renovation | 5 years |
| Office Equipment | 3 - 5 years |

***(g) Works In Progress***

*Works in progress include buildings/structures that are currently being built and not completed. Depreciation is not charged on works in progress.*

***(h) Impairment of Non-Financial Assets***

*The carrying amounts of non-financial assets are reviewed at each reporting date to determine whether there is any indication of impairment. If any such indication exists, the assets recoverable is estimated.*

*The recoverable amount is higher of its fair value less costs to sell and its value in use, measured based on its discounted estimated future cash flow. The recoverable amount is estimated for the individual asset or, if that is not possible, for the cash-generating unit for which the asset is used.*

*Impairment losses are recognised directly to surplus or deficit. Any subsequent increase in recoverable amount of an asset is recognised as a reversal of a previous impairment loss and is recognised to the extent of the asset's carrying amount that would have been determined (after depreciation or amortisation, if applicable) if no impairment loss had been previously recognised. This reversal is recognised in surplus or deficit immediately.*

***(i) Deferred Grant***

*Known as a capital contribution from the government to PPC for the development and construction of marine infrastructure for the promotion of the yacht and marina industry as well as the cruise industry. Grants are amortised based on the straight-line method according to their estimated useful life.*



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (samb.)
PENANG PORT COMMISSION
NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021 (cont.)

**(j) Instrumen Kewangan**

**(i) Pengiktirafan Dan Pengukuran Awal**

Instrumen kewangan adalah aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila SPPP menjadi pihak yang terikat pada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf di peringkat awal pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali pengukuran awal untuk aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit).

**(ii) Pengukuran Seterusnya**

Instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah tanpa diskaun tunai atau pertimbangan yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan pengaturan itu merupakan, pada dasarnya, suatu transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tak boleh dijual, diukur pada kos ditolak susut nilai, kecuali saham tersebut didagangkan di pasaran terbuka atau nilai saksamanya boleh diukur, di mana pelaburan tersebut boleh diukur pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksamanya dapat diiktiraf di dalam lebihan atau defisit.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan lain yang tidak diukur pada kos pelunasan atau kos ditolak rosotnilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit) ditafsir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif rosotnilai. Rosotnilai diukur seperti berikut:

a) Bagi instrumen diukur pada kos terlunas, amaun rosotnilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan efektif asal aset kewangan tersebut.

b) Bagi instrumen yang diukur pada kos tolak rosotnilai, rosotnilai adalah perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran terbaik amaun yang akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

***(j) Financial Instruments***

***(i) Initial Recognition And Measurement***

*A financial instrument is a financial asset or financial liability recognised in the Statement of Financial Position when PPC becomes a party to the contractual provisions of the instrument.*

*A financial instrument is recognised initially at transaction price (including transaction costs except in the initial measurements of financial assets and financial liabilities that is measured at fair value through surplus or deficit).*

***(ii) Subsequent Measurement***

*Debt instruments that are classified as current assets or current liabilities are measured at an undiscounted amount of the cash or other consideration expected to be paid or received unless the arrangement constitutes in effect, a financing transaction.*

*Investments in non-portable ordinary shares are measured at cost less depreciation, unless the shares are publicly traded or their fair value can otherwise be measured, in which case the investment are measured at fair value with the changes in fair value recognised in surplus or deficit.*

*All other financial assets or financial liabilities not measured at amortised cost or cost less impairment are measured at fair value with changes recognised in surplus or deficit.*

*All financial assets (except financial assets measured at fair value through surplus or deficit) are assessed at each reporting date whether there is any objective evidence of impairment. Impairment is measured as follows:*

*a) For instruments measured at amortised cost, the amount of impairment loss measured as the difference between the asset's carrying amount and the present value of estimated future cash flows discounted at the financial asset's original effective rate of return.*

*b) For the instruments measured at cost less impairment, impairment loss is the difference between the asset's carrying amount and the best estimate of the amount that would be received for the asset if it were sold at the reporting date.*

**(iii) Penyahiktirafan**

Aset kewangan atau sebahagiannya akan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah luput atau selesai, atau hak tidak memindahkan atau tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset itu kepada pihak lain. Apabila instrumen aset kewangan dinyahiktiraf, perbezaan di antara nilai bawaan dan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul akan diiktiraf di dalam lebihan atau defisit.

Penyahiktirafan liabiliti kewangan akan dilakukan apabila obligasi di bawah liabiliti telah dibatalkan atau ditamatkan atau luput. Apabila instrumen liabiliti kewangan dinyahiktiraf, perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf di dalam lebihan atau defisit.

*(iii) Derecognition*

*A financial asset or part of it is derecognised when the contractual right to receive cash flows from the financial asset expired or are settled or the right not to transfer or not to retain all risks and rewards of the asset or not to transfer control of the asset to another party. On derecognised of a financing asset, the difference between the carrying amount and the consideration received and any accumulated gain or loss is recognised in surplus or deficit.*

*A financial liability is derecognition when the obligation specified in the liability has been cancelled or terminated or expires. When a financial liability is derecognised, the difference between the carrying amount of the financial liability and the consideration paid is recognised in surplus or deficit.*

**(k) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai adalah termasuk pelaburan jangka pendek, simpanan tetap dalam institusi kewangan berlesen matang tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan, baki bank dan wang tunai.

*(k) Cash and Cash Equivalents*

*Cash and cash equivalents include short-term investments, fixed deposits in licensed financial institutions maturing in not exceeding three (3) months, bank balances and cash.*

**(l) Manfaat Pekerja**

**(i) Faedah Jangka Pendek**

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun semasa dimana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja SPPP. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

**(ii) Pelan Sumbangan Terancang**

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada Skim Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

**(iii) Faedah Jangka Panjang**

Pengumpulan faedah jangka panjang bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat.

*(l) Employee Benefits*

*(i) Short-Term Benefits*

*Wages, salaries, bonuses and social security contributions are recognised as expenses in the current year in which the related services are rendered by PPC employees. Accumulative compensated absences such as paid annual leave will be taken into account when the employees render service that increased their entitlement to future compensated absences short-term non-accumulating compensated absences such as sick leaves will be accounted for when absences occur.*

*(ii) Defined Contribution Plan*

*As provided by law, all corporations in Malaysia make contributions to the Pension Scheme or the Employees Provident Fund. The contribution is recognised as an expense in the Statement of financial performance when the expense is incurred.*

*(iii) Long-Term Benefit*

*Accumulation of long-term benefits for absences such as paid annual leave will be taken into account when the employees render services that increase their entitlement to future compensated expenses.*



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (samb.)
PENANG PORT COMMISSION
NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021 (cont.)

**(m) Pihak Berkaitan**

Kakitangan pengurusan utama ditakrifkan sebagai individu-individu yang mempunyai kuasa serta tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti SPPP secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama SPPP adalah Lembaga Ahli-ahli SPPP.

**(n) Maklumat Bajet**

Bajet tahunan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah disediakan pada tahun sebelumnya menurut arahan yang terkandung dalam Seksyen 41(1) Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, 1955 menggunakan asas tunai. Bajet tahunan telah dibentangkan kepada Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan seterusnya diangkat untuk kelulusan Y.B. Menteri Pengangkutan Malaysia.

**(o) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

SPPP berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan selain yang dinyatakan di bawah:

**(i) Pengukuran Peruntukan**

SPPP sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

**(ii) Penentuan Hartanah Pelaburan**

Sebahagian daripada hartanah SPPP adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya manakala sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka SPPP akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak.

*(m) Related Parties*

*Key management personnel are defined as individuals who have the authority and responsibility to plan, direct and control PPC activities directly or indirectly. The key management personnel are the PPC's Board of Directors.*

*(n) Budget Information*

*The annual budget of the Penang Port Commission was prepared in the prior year in accordance with the order contains in Section 41 (1) of the Penang Port Commission Act, 1955. The annual budget was presented to the Penang Port Commission Board of Directors and being forwarded for the approval of the Minister of Transport.*

*(o) Critical Accounting Judgement and Key Sources of Estimation Uncertainties*

*PPC is of the opinion that there are no critical accounting judgements and the key sources of estimation uncertainty used in the preparation of financial statements other than those described below:*

*(i) Provisions Measurement*

*PPC always uses best estimation as the basis for measuring any provision. The estimation is made based on past experience, other indications or assumptions, recent developments and reasonable future events in determining the estimation.*

*(ii) Determination of Investment Properties*

*Part of PPC's properties are held for rental income or for the purpose of increasing value or for both while the other part is held for own use. If the portion of a property that is held for the purpose of obtaining rental income or for appreciation can be sold separately or leased separately as a finance lease, then PPC will categorize that portion as an investment property. Whereas if a part of the property cannot be sold or leased separately, then it will be classified as an investment property if the other part of the property helf for own use is not significant.*

**(o) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (samb.)**

**(iii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan**

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 60 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

**(iv) Rosotnilai Aset Kewangan**

SPPP menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosotnilai terhadap akaun penghutang, SPPP membuat peruntukan hutang ragu secara keseluruhan bagi akaun penghutang yang tertunggak melebihi 1 tahun atau apabila terdapat bukti objektif bahawa sesuatu akaun penghutang telah terjejas.

**3. LOKASI UTAMA SPPP**

Lokasi utama SPPP adalah di Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal, No. 1A, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

***(o) Critical Accounting Judgement and Key Sources of Estimation Uncertainties (cont.)***

***(iii) Changes in Useful Life of Property, Plant and Equipment***

*All property, plant and equipment are depreciated on a straight-line basis over the asset's useful life. Management estimates the useful life of property, plant and equipment life within the period of 3 to 60 years. Significant change in the expected patterns of asset used and technology development can affect the useful life and residual value of assets. This will cause the future depreciation assets to be reviewed.*

***(iv) Impairment of Financial Assets***

*PPC assesses at each reporting date whether there is any objective evidence that a financial asset is impaired. If there is objective evidence of impairment, the amount and timing of future cash flows are estimated based on historical loss of assets with similar credit risk. To determine whether there is an objective evidence of impairment against the account receivables, PPC made a provision for doubtful debts for account receivables that have been outstanding for more than 1 year or when there is objective evidence that there are receivables that has been impaired.*

***3. MAIN LOCATION OF PPC***

*PPC's main location is at Level 2, Swettenham Pier Cruise Terminal, No. 1A, King Edward Place, 10300 George Town, Penang.*



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (samb.)**
*PENANG PORT COMMISSION*
***NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021 (cont.)***

**4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNA** ***CASH AND CASH EQUIVALENTS***

| | NOTA *NOTES* | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| Pelaburan Jangka Pendek, pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit *Short-Term Investment, at fair value through surplus or deficit* | (a) | 6,147,506 | 6,038,313 |
| Baki Bank dan Wang Tunai *Bank Balance and Cash* | | 2,235,523 | 5,831,008 |
| Simpanan Tetap Dalam Institusi Kewangan Berlesen (matang dalam tempoh 3 bulan) *Fixed Deposits in Licensed Financial Institutions (matured within 3 months)* | | - | 7,500,000 |
| | | 8,383,029 | 19,369,321 |

(a) Pada 26 Ogos 2011, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat KK/BKP(S)10/72-3 Jld 2 sk.1.(7) telah memberi kelulusan untuk SPPP membuat Pelaburan Jangka Pendek tertakluk kepada jumlah yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah SPPP.

*(a) On 26th August 2011, the Ministry of Finance Malaysia (ref: KK/BKP(S)10/72-3 Jld 2 sk.l.(7)) has approved Short-Term Investments for PPC in which the amount of the investment in subject to the approval of the PPC Board of Directors.*

**5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA** ***RECEIVABLES FROM EXCHANGE TRANSACTIONS***

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Penghutang Niaga *Trade Receivables* | 9,881,546 | 8,266,472 |
| Tolak: Peruntukan Hutang Ragu *Less: Allowance for Doubtful Debt* | (1,492,827) | (1,492,827) |
| | 8,388,719 | 6,773,645 |
| Lain-lain Penghutang *Other Receivables* | 97,272 | 781,500 |
| Keuntungan Pelaburan Belum Terima *Receivables from Investment Surplus* | 488,970 | 559,058 |
| | 8,974,961 | 8,114,203 |

Analisa Penghutang Niaga adalah seperti berikut:
*Trade Receivables analysis are as follows:*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Tidak melebihi tempoh matang atau tiada rosot nilai *Not exceeding maturity period and not impaired* | 8,240,079 | 3,965,211 |
| Melebihi tempoh matang dan tiada rosot nilai (i) *Exceeding maturity period and not impaired (i)* | 148,640 | 2,808,434 |
| Penghutang Niaga yang dirosot nilai (ii) *Impaired trade receivables (ii)* | 1,492,827 | 1,492,827 |
| | 9,881,546 | 8,266,472 |
| Tolak: Peruntukkan Hutang Ragu *Less: Allowance for Doubtful Debt* | (1,492,827) | (1,492,827) |
| | 8,388,719 | 6,773,645 |

(i) Penghutang Niaga yang melebihi tempoh matang dan tiada rosot nilai adalah seperti berikut:
*(i) Trade receivables that are past due and have no impairment are as follows:*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| 1 hingga 30 hari melebihi tempoh matang *Past due 1 to 30 days* | 89,937 | 2,540,627 |
| 31 hingga 60 hari melebihi tempoh matang *Past due 31 to 60 days* | 58,702 | 18,975 |
| 61 hingga 90 hari melebihi tempoh matang *Past due 61 to 90 days* | - | 18,000 |
| Lebih 90 hari melebihi tempoh matang *Past due more than 90 days* | 1 | 230,832 |
| | 148,640 | 2,808,434 |

(ii) Perubahan peruntukan hutang ragu adalah seperti berikut:
*(ii) The changes in the provision for doubtful debts are as follows:*

| | | |
|---|---|---|
| Peruntukan Hutang Ragu *Provision for Doubtful Debts* | | |
| Baki pada 1 Januari *Balance as of 1st January* | 1,492,827 | 1,159,087 |
| Tambahan *Addition* | - | 337,387 |
| Kurangan *Reduction* | - | (3,647) |
| Baki pada 31 Disember *Balance as of 31st December* | 1,492,827 | 1,492,827 |

## 6. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN *OTHER ACCOUNTS RECEIVABLE, DEPOSITS AND ADVANCES*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Prabayar *Prepayment* | 1,605,343 | 113,422 |
| Deposit *Deposit* | 207,686 | 203,316 |
| | 1,813,029 | 316,738 |

## 7. CUKAI BOLEH DITUNTUT SEMULA / (CUKAI YANG KENA DIBAYAR) *TAX RECOVERABLE / (TAX PAYABLE)*

| Analisa Cukai Boleh Dituntut Semula/ (Cukai yang Kena Dibayar) adalah seperti berikut: *Tax Recoverable / (Tax Payable) analysis as follows:* | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Lebihan cukai tahun 2019 *Tax surplus year 2019* | - | 16,111 |
| | - | 16,111 |
| Ansuran cukai tahun semasa *Current year tax installments* | 422,760 | 425,120 |
| (-) Anggaran cukai tahun semasa *Current year tax estimated* | (394,481) | (478,995) |
| | 28,279 | (37,764) |



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (samb.)**
*PENANG PORT COMMISSION*
***NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021 (cont.)***

## 8. PINJAMAN KAKITANGAN *STAFF LOANS*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Pinjaman Kakitangan *Staff Loan* | 403,833 | 489,167 |
| Faedah Tertunda *Deferred Interest* | (42,702) | (57,773) |
| | 361,131 | 431,394 |
| Pinjaman Kakitangan: *Staff Loan* | | |
| Kurang dari 1 Tahun *Less than 1 Year* | 72,825 | 79,321 |
| Lebih dari 1 Tahun dan tidak lebih dari 9 Tahun *More than 1 Year and not more than 9 Years* | 288,306 | 352,073 |
| | 361,131 | 431,394 |

Kadar faedah pinjaman kenderaan dan komputer adalah 4% (2020 - 4%) setahun.
*The interest rate for vehicle and computer loans is 4% (2020 – 4%) per year.*

## 9. PELABURAN JANGKA PANJANG *LONG-TERM INVESTMENT*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Pelaburan tidak di sebut harga, pada kos *Unquoted investments at cost* | 75,000 | 75,000 |
| Tolak : Rosot nilai pelaburan *Less: Impairment of Investment Value* | (74,999) | - |
| | 1 | 75,000 |

## 10. HARTANAH PELABURAN *INVESTMENT PROPERTIES*

a) Butiran terperinci hartanah pelaburan adalah seperti berikut:- *a) Details of Investment Properties are as follows:-*

| | Tanah Hakmilik Bebas *Freehold Land* RM | Bangunan, Binaan dan Jalan raya *Buildings, Structures And Roads* RM | Jumlah *Total* RM |
|---|---|---|---|
| 2021 | | | |
| Kos *Cost* | | | |
| Pada 1 Januari *As at 1st January* | 211,930 | 999,044 | 1,210,974 |
| Pada 31 Disember *As at 31 December* | 211,930 | 999,044 | 1,210,974 |
| Susut Nilai *Depreciation* | | | |
| Pada 1 Januari *As at 1st January* | - | 763,585 | 763,585 |
| Tambahan *Addition* | - | 16,263 | 16,263 |
| Pada 31 Disember *As at 31st December* | - | 779,848 | 779,848 |
| Nilai Buku Bersih *Net Book Value* | | | |
| 31 Disember 2021 *31st December 2021* | 211,930 | 219,196 | 431,126 |
| 31 Disember 2020 *31st December 2020* | 211,930 | 235,459 | 447,389 |
| Susut nilai Bagi Tahun *Depreciation for the Year* | | | |
| Berakhir 31 Disember 2020 *Ended 31st December* | - | 16,263 | 16,263 |

**10. HARTANAH PELABURAN (SAMB.)** ***INVESTMENT PROPERTIES (CONT.)***

b) Amaun bagi aset-aset yang masih digunakan dimana kos telah disusutnilai sepenuhnya adalah:-
*b) The amount of assets in use where the cost has been fully depreciated is:*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Bangunan, binaan dan jalan raya *Buildings, structures and roads* | 442,900 | 442,900 |

**11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN** ***PROPERTY, PLANT AND EQUIPMENT***

a) Butiran terperinci hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:-
*a) Details of property, plant and equipment are as below:-*

| | Tanah Hakmilik Bebas *Freehold Land* (RM) | Tanah Pajakan *Leased Land* (RM) | Bangunan, Binaan dan Jalan raya *Buidlings, Structures and Roads* (RM) | Loji dan Mesin *Plant and Machinery* (RM) | Kenderaan *Vehicles* (RM) | Ubahsuai Pejabat *Office Renovation* (RM) | Kelengkapan Pejabat *Office Equipment* (RM) | Jumlah *Total* (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2021** | | | | | | | | |
| **Kos** *Cost* | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari *As at 1st January* | 4,041,201 | 211,881,517 | 382,142,296 | 6,450,756 | 1,062,508 | 2,373,571 | 4,413,177 | 612,365,026 |
| Tambahan *Addition* | - | - | - | - | 8,383,659 | - | 239,040 | 8,622,699 |
| Pelupusan *Disposal* | - | - | - | - | (359,825) | - | (127,316) | (487,141) |
| Pada 31 Disember *As at 31st December* | 4,041,201 | 211,881,517 | 382,142,296 | 6,450,756 | 9,086,342 | 2,373,571 | 4,524,901 | 620,500,584 |
| **Susut Nilai Terkumpul** *Accumulated Depreciation* | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari *As at 1st January* | - | 26,741,690 | 279,759,621 | 3,953,911 | 864,183 | 730,037 | 3,894,462 | 315,943,904 |
| Tambahan *Addition* | - | 2,946,808 | 4,261,143 | 563,160 | 890,473 | 79,277 | 259,964 | 9,000,825 |
| Pelupusan *Disposal* | - | - | - | - | (359,822) | - | (127,314) | (487,136) |
| Pada 31 Disember *As at 31st December* | - | 29,688,498 | 284,020,764 | 4,517,071 | 1,394,834 | 809,314 | 4,027,112 | 324,457,593 |
| **Rosot Nilai Terkumpul** *Accumulated Impairment* | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari *As at 1st January* | - | - | 220,709 | - | - | - | - | 220,709 |
| Pada 31 Disember *As at 31st December* | - | - | 220,709 | - | - | - | - | 220,709 |
| **Nilai Buku Bersih** *Net Book Value* | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember *As at 31st December* | 4,041,201 | 182,193,019 | 97,900,823 | 1,933,685 | 7,691,508 | 1,564,257 | 497,789 | 295,822,282 |





**11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)** ***PROPERTY, PLANT AND EQUIPMENT (CONT.)***

b) Butiran terperinci hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:-
*b) Details of property, plant and equipment are as below:-*

| | Tanah Hakmilik Bebas *Freehold Land* (RM) | Tanah Pajakan *Leased Land* (RM) | Bangunan, Binaan dan Jalan raya *Buidlings, Structures and Roads* (RM) | Loji dan Mesin *Plant and Machinery* (RM) | Kenderaan *Vehicles* (RM) | Ubahsuai Pejabat *Office Renovation* (RM) | Kelengkapan Pejabat *Office Equipment* (RM) | Jumlah *Total* (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2021** | | | | | | | | |
| **Kos** *Cost* | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari *As at 1st January* | 4,041,201 | 211,881,517 | 382,142,296 | 6,450,756 | 948,780 | 2,373,571 | 5,314,455 | 606,182,583 |
| Tambahan *Addition* | - | 7,020,000 | - | - | 113,727 | - | 359,081 | 7,492,808 |
| Pelupusan *Disposal* | - | - | (50,006) | - | - | - | (1,260,359) | (1,310,365) |
| Pada 31 Disember *As at 31st December* | 4,041,201 | 211,881,517 | 382,142,297 | 6,450,756 | 1,062,507 | 2,373,571 | 4,413,177 | 612,365,026 |
| **Susut Nilai Terkumpul** *Accumulated Depreciation* | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari *As at 1st January* | - | 23,813,716 | 275,506,179 | 3,390,710 | 805,926 | 650,760 | 4,870,407 | 309,037,698 |
| Tambahan *Addition* | - | 2,927,973 | 4,253,442 | 563,201 | 58,257 | 79,277 | 284,428 | 8,166,578 |
| Pelupusan *Disposal* | - | - | - | - | - | - | (1,260,373) | (1,260,373) |
| Pada 31 Disember *As at 31st December* | - | 26,741,689 | 279,759,621 | 3,953,911 | 864,183 | 730,037 | 3,894,462 | 315,943,903 |
| **Rosot Nilai Terkumpul** *Accumulated Impairment* | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari *As at 1st January* | - | - | 220,710 | - | - | - | - | 220,710 |
| Pada 31 Disember *As at 31st December* | - | - | 220,710 | - | - | - | - | 220,709 |
| **Nilai Buku Bersih** *Net Book Value* | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember *As at 31st December* | 4,041,201 | 185,139,828 | 102,161,966 | 2,496,845 | 198,324 | 1,643,534 | 518,715 | 296,200,413 |

**11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)** *PROPERTY, PLANT AND EQUIPMENT (CONT.)*

c) Amaun bagi aset-aset yang masih digunakan dimana kos telah disusutnilai sepenuhnya adalah:-
*c) The amount of assets in use where the cost has been fully depreciated are:-*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Bangunan, binaan dan jalan raya *Buildings, structures and roads* | 181,718,497 | 181,718,497 |
| Loji dan mesin *Plant and machinery* | 819,156 | 819,156 |
| Kenderaan *Vehicles* | 354,528 | 714,353 |
| Kelengkapan pejabat *Office Equipment* | 3,636,367 | 3,378,272 |

d) Termasuk dalam bangunan, binaan dan jalanraya adalah bangunan dengan kos RM92,465,937 yang dibina menggunakan geran modal.
*d) Included in buildings, structures and roads are buildings with a cost of RM92,465,937 built using capital grants.*

**12. ASET TAK KETARA** *INTANGIBLE ASSETS*

a) Butiran terperinci Aset Tak Ketara adalah seperti berikut:- *a) Details of Intangible Assets are as follows:-*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Kos** *Cost* | | |
| Pada 1 Januari *As at 1st January* | 1,206,823 | 1,025,450 |
| Tambahan *Addition* | 324,551 | 181,373 |
| Pada 31 Disember *As at 31st December* | 1,531,374 | 1,206,823 |
| **Pelunasan Terkumpul** *Accumulated Amortisation* | | |
| Pada 1 Januari *As at 1st January* | 931,633 | 726,029 |
| Tambahan *Addition* | 201,999 | 205,604 |
| Pada 31 Disember *As of 31st December* | 1,133,632 | 931,633 |
| Nilai Buku Bersih *Net Book Value* | 397,742 | 275,190 |
| b) Amaun bagi aset-aset yang masih digunakan dimana kos telah disusutnilai sepenuhnya *b) Amount of remaining assets where costs have been fully depreciated* | 1,025,450 | 470,150 |

**13. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU** *OTHER ACCOUNTS PAYABLE AND ACCRUED EXPENSES*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Pemiutang *Other payables* | 7,392,240 | 991,127 |
| Deposit diterima *Deposit received* | 137,646 | 997,283 |
| Perbelanjaan terakru *Accruals* | 39,750 | 47,658 |
| | 7,569,636 | 2,036,068 |



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (samb.)
*PENANG PORT COMMISSION*
*NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021 (cont.)*

**14. MANFAAT PEKERJA** *EMPLOYEE BENEFITS*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Gantian Cuti Rehat** *In Lieu of Leave* | | |
| Baki pada 1 Januari *Balance as at 1st January* | 819,156 | 798,228 |
| Tambahan *Addition* | 123,246 | 43,765 |
| Baki pada 31 Disember *Balance as at 31st December* | 965,239 | 841,993 |

**15. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN** *NON-EXCHANGE TRANSACTIONS*

Urus Niaga Bukan Pertukaran merupakan pelunasan dari Geran Tertunda seperti berikut:
*Non-Exchange Transactions are repayments of Deferred Grants as follows:-*

i) **PROJEK MARINA** *MARINA PROJECT*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Penerimaan geran Kerajaan *Receipt of goverment grants* | 43,405,719 | 43,405,719 |
| Tolak : pelunasan terkumpul *Less : accumulated amortisation* | (11,528,560) | (10,808,025) |
| Baki pada 1 Januari *Balance as at 1st January* | 31,877,159 | 32,597,694 |
| Pelunasan pada tahun kewangan *Amortisation for the financial year* | (720,535) | (720,535) |
| Pelunasan pada tahun kewangan *Amortisation for the financial year* | 7,768 | - |
| Baki pada 31 Disember *Balance as at 31st December* | 31,164,392 | 31,877,159 |

ii) **PEMBANGUNAN SEMULA JETI SWETTENHAM** *REDEVELOPMENT OF SWETTENHAM PIER JETTY*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Penerimaan geran Kerajaan *Receipt of goverment grants* | 49,060,218 | 49,060,218 |
| Tolak : pelunasan terkumpul *Less : accumulated amortisation* | (6,390,256) | (4,915,834) |
| Baki pada 1 Januari *Balance as at 1st January* | 42,669,962 | 44,144,384 |
| Pelunasan pada tahun kewangan *Amortisation for the financial year* | (1,474,332) | (1,474,422) |
| Pelunasan pada tahun kewangan *Amortisation for the financial year* | (2,624) | - |
| Baki pada 31 Disember *Balance as at 31st December* | 41,193,006 | 42,669,962 |

iii) **TANAH LOT 1230, SEBERANG PRAI** *LAND LOT 1230, SEBERANG PRAI*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Penerimaan geran Kerajaan *Receipt of goverment grants* | 2,980,000 | 2,980,000 |
| Tolak : pelunasan terkumpul *Less : accumulated amortisation* | (745,596) | (621,330) |
| Baki pada 1 Januari *Balance as at 1st January* | 2,234,404 | 2,358,670 |
| Pelunasan pada tahun kewangan *Amortisation for the financial year* | (124,266) | (124,266) |
| Baki pada 31 Disember *Balance as at 31st December* | 2,110,138 | 2,234,404 |

## 15. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN (SAMB.) *NON-EXCHANGE TRANSACTIONS (CONT.)*

### iv) TANAH LOT 508, SEBERANG PERAI UTARA *LAND LOT 508, SEBERANG PERAI UTARA*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Penerimaan geran Kerajaan *Receipt of goverment grants* | 106,399,900 | 106,399,900 |
| Tolak : pelunasan terkumpul *Less : accumulated amortisation* | (1,074,638) | (537,319) |
| Baki pada 1 Januari *Balance as at 1st January* | 105,325,262 | 105,862,581 |
| Pelunasan pada tahun kewangan *Amortisation for the financial year* | (1,074,639) | (537,319) |
| Pelunasan pada tahun kewangan *Amortisation for the financial year* | (537,320) | - |
| Baki pada 31 Disember *Balance as at 31st December* | 103,713,303 | 105,325,262 |

### v) 5 BUAH IKONIK FERI *5 ICONIC FERRIES*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Penerimaan geran Kerajaan *Receipt of goverment grants* | 7,800,000 | - |
| Pelunasan pada tahun kewangan *Amortisation for the financial year* | (780,000) | - |
| Baki pada 31 Disember *Balance as at 31st December* | 7,020,000 | - |
| **JUMLAH GERAN TERTUNDA** *TOTAL DEFERRED GRANT* | 185,200,839 | 182,106,787 |

## 16. URUS NIAGA PERTUKARAN *EXCHANGE TRANSACTIONS*

| | NOTA *NOTES* | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| Sewa Pajakan *Lease Rental* | | 18,074,899 | 15,681,139 |
| Pendapatan Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) *PPC (Teluk Ewa) Management Income* | (a) | 2,500,000 | 2,500,000 |
| Pelbagai Pendapatan *Other Income* | (b) | 10,434,498 | 6,549,460 |
| Pendapatan Lesen *License Income* | | 113,836 | 133,470 |
| Pendapatan Faedah *Interest Income* | | 1,502,984 | 1,963,860 |
| Dividen *Dividend* | | 110,213 | 162,684 |
| Lain-Lain Pendapatan *Miscellaneous Income* | | 26,118 | 30,638 |
| Keuntungan dari Jualan Aset *Profit from Asset Sales* | | 114,565 | 1,317 |
| | | 32,877,113 | 27,022,568 |

### (a) Pendapatan Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) *PPC (Teluk Ewa) Management Income*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Bayaran yang diterima daripada SPPP (Teluk Ewa) bagi perkhidmatan pengurusan pelbagai oleh SPPP. *Payments received from PPC (Teluk Ewa) for PPC management services.* | 2,500,000 | 2,500,000 |

### (b) Pelbagai Pendapatan *Other Income*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Lesen dan permit *License and permit* | 80,595 | 77,041 |
| Bayaran Pengurusan SPCT *SPCT Management Income* | 128,767 | 500,000 |
| Sewaan Hartanah Sekitar SPCT *Property Rentals Around SPCT* | 4,716,129 | 5,100,000 |
| Pendapatan Foreshore *Foreshore Income* | 5,114,888 | - |
| Lain-lain Sewaan *Other Rentals* | 57,494 | 508,581 |
| Pendapatan *Threshold* *Threshold Income* | 336,625 | 363,838 |
| | 10,434,498 | 6,549,460 |



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (samb.)
*PENANG PORT COMMISSION*
*NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021 (cont.)*

## 17. EMOLUMEN *EMOLUMENT*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Gaji dan elaun *Salaries and allowances* | 5,159,380 | 4,880,347 |
| Bonus *Bonus* | 1,258,078 | 1,064,055 |
| Elaun kerja lebih masa *Overtime allowances* | 12,096 | 16,996 |
| Caruman KWAP *EPF contributions* | 43,388 | 35,285 |
| Caruman KWAP *KWAP contributions* | 557,305 | 524,103 |
| Lain-lain *Others* | 128,246 | 47,764 |
| Kos pekerjaan *Employment costs* | 7,158,493 | 6,568,550 |
| Jumlah pekerja *Total employees* | 65 orang | 63 orang |

## 18. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN *SERVICES AND SUPPLIES*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan perubatan *Medical expenses* | 2,146,458 | 2,740,330 |
| Perbelanjaan promosi dan pengiklanan *Promotional and advertising* | 991,441 | 75,964 |
| Perbelanjaan utiliti *Utilities expenses* | 389,753 | 607,818 |
| Perbelanjaan penyelenggaraan *Maintenance expenses* | 295,142 | 150,614 |
| Perbelanjaan pembekalan *Supplies expenses* | 315,236 | 346,603 |
| Perbelanjaan penginapan dan perjalanan *Accommodation and travelling expenses* | 297,657 | 458,085 |
| Perbelanjaan sewa *Rental expenses* | 374,064 | 356,907 |
| Perbelanjaan Ahli-ahli Lembaga *Board Members expenses* | 883,753 | 683,552 |
| Lain-lain *Others* | 1,738,031 | 1,800,974 |
| | 7,431,535 | 7,220,847 |

## 19. SUSUT NILAI ASET BUKAN SEMASA *DEPRECIATION OF NON-CURRENT ASSETS*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Hartanah Pelaburan *Investment Property* | 16,263 | 16,263 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan *Property, Plant and Equipment* | 9,000,825 | 8,166,578 |
| | 9,017,088 | 8,182,841 |

## 20. PERBELANJAAN LAIN *OTHER EXPENSES*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Peruntukan hutang ragu *Provision for doubtful debts* | - | 337,387 |
| Kerugian ke atas Nilai Saksama *Loss on Fair Value* | 1,021 | 8,879 |
| Kerugian Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralata *Loss on Disposal of Property, Plant and Equipment* | - | 49,999 |
| Rosot nilai pelaburan ICT *Impairment of ICT Investment* | 74,999 | - |
| | 76,020 | 396,265 |

## 21. CUKAI *TAXATION*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Peruntukan Cukai Pendapatan *Provision for Income Tax* | | |
| - pada tahun semasa *- current year* | (394,481) | (478,995) |
| - terlebih nyata pada tahun lepas *- overstated in the prior year* | 1,548 | 1,639 |
| | (392,933) | (477,356) |

**21. CUKAI (SAMB.)** *TAXATION (CONT.)*

| Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dengan keuntungan perakaunan: *Reconciliation between tax expense and accounting profit:* | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Lebihan Sebelum Cukai *Surplus Before Taxation* | 12,861,763 | 6,619,007 |
| Cukai pada kadar 24% (2020: 24%) *Tax rate of 24% (2020: 24%)* | (3,086,823) | (1,588,062) |
| Pendapatan dikecualikan cukai *Exempted tax income* | 8,599,003 | 6,652,947 |
| Pendapatan tidak dikenakan cukai *Non-taxable income* | 26,451 | 39,044 |
| Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak layak diberi potongan cukai *Impact of tax on expenses not entitled for deduction* | (5,933,112) | (5,582,924) |
| Terlebih nyata pada tahun lepas *Overstated in the prior year* | 1,548 | 1,639 |
| | (392,933) | (477,356) |

**22. PENGLIBATAN MODAL** *CAPITAL COMMITMENT*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan modal : *Capital expenditure:* | | |
| Dibenarkan dan dikontrakkan *Approved and contracted* | 499,765 | - |
| Di analisis seperti berikut: *Analysed as follows:* | | |
| Aset Tak Ketara *Intangible Assets* | 499,765 | - |

**23. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN** *RELATED PARTY DISCLOSURE*

**i) MANFAAT BAGI PEGAWAI PENGURUSAN UTAMA** *BENEFITS FOR KEY MANAGEMENT PERSONNEL*

Pengurusan Utama SPPP adalah terdiri dari Lembaga Ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri Pengangkutan dan seorang Pengerusi yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Agregat elaun yang diterima pada tahun 2021 oleh Pengurusan Utama adalah seperti berikut:
*PPC's key management personnel consists of Board of Directors appointed by the Minister of Transport and a Chairman appointed by the Yang di-Pertuan Agong. The aggregate remuneration received by the key management personnel in 2020 is as follows:*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Agregat Elaun *Aggregate Remuneration* | 656,609 | 559,681 |
| Jumlah Lembaga Ahli-ahli dan Pengerusi *Number of Board Members and Chairman* | 10 orang | 14 orang |

Kumpulan Pengurusan Kanan SPPP terdiri daripada Pengurus Besar, Pengurus Kanan Khidmat Pengurusan, Pengurus Kanan Korporat dan Pengurus Kanan Operasi dan Kawal Selia. Agregat manfaat yang diterima oleh Pengurusan Kanan SPPP dan jumlah pegawai terlibat adalah ditentukan berdasarkan manfaat yang diterima secara penggajian sepenuh masa seperti berikut:
*The PPC Senior Management consists of General Manager, Senior Manager of Management Services, Senior Corporate Manager and Senior Manager of Operations and Regulation. The aggregate of remuneration received by the Senior Management of PPC and the number of officers involved are determined based on the benefits received on a full-time basis as follows:*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Agregat penggajian *Aggregate Remuneration* | 711,297 | 664,097 |
| Jumlah Pegawai Pengurusan Kanan SPPP *Number of Senior Managers of PPC* | 3 orang | 3 orang |



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (samb.)
*PENANG PORT COMMISSION*
*NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021 (cont.)*

**23. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (SAMB.)** *RELATED PARTY DISCLOSURE (CONT.)*

**ii) BAYARAN KEPADA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN** *PAYMENT TO THE MINISTRY OF TRANSPORT*

SPPP telah membuat sumbangan tahunan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi pelaksanaan aktiviti Kementerian Pengangkutan Malaysia serta *International Maritime Organisation* (IMO).
*PPC made an annual contribution to the Ministry of Transport Malaysia for the implementation of its activities as well as International Maritime Organization (IMO).*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Sumbangan *Contribution* | 700,000 | - |

**iii) PENDAPATAN PENGURUSAN SPPP (TELUK EWA)** *PPC (TELUK EWA) MANAGEMENT INCOME*

Melalui satu perintah Menteri, SPPP telah diarahkan untuk menguruskan Jeti Teluk Ewa di Langkawi melalui Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa). Perjanjian Pengurusan telah dimuktamadkan oleh SPPP dan SPPP (Teluk Ewa) yang mengkehendaki SPPP (Teluk Ewa) membuat bayaran pengurusan setiap tahun kepada SPPP.
*Through a Ministerial Order, PPC has been instructed to manage Teluk Ewa Jetty in Langkawi through PPC (Teluk Ewa). Management Agreement has been finalised between PPC and PPC (Teluk Ewa) which requires PPC (Teluk Ewa) to pay annual management fees to PPC.*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Pendapatan Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) *PPC (Teluk Ewa) Management Income* | 2,500,000 | 2,500,000 |

**24. INSTRUMEN KEWANGAN - PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN** *FINANCIAL INSTRUMENTS – FINANCIAL RISK MANAGEMENT*

Polisi pengurusan kewangan adalah bagi memastikan sumber-sumber kewangan mencukupi untuk pembangunan SPPP di samping mengurus risikonya. Polisi SPPP yang berkaitan dengan aktiviti- aktiviti yang melibatkan risiko kewangan adalah seperti berikut:
*The financial management policy is to ensure sufficient financial resources for the development of the PPC in addition to managing the risks. PPC policy relating to activities involving financial risk are as follows:*

**(i) Risiko Kadar Faedah** *Interest Rate Risks*
Aliran tunai dan pendapatan SPPP adalah bebas daripada perubahan kadar faedah pasaran di mana SPPP tidak mempunyai sebarang pinjaman. Kadar faedah daripada simpanan tetap di institusi-institusi kewangan berlesen juga adalah rendah disebabkan tempoh yang pendek.
*PPC's income and operating cashflows are substantially independent from changes in the market interest rates as PPC does not have any borrowings. Interest rate exposure arising from PPC deposits with licensed financial instutitions is also minimal due to short-term maturities.*

**(ii) Risiko kredit** *Credit risks*
SPPP tidak memberikan kredit kepada pelanggan-pelanggannya.
*No credit terms were given to PPC customers.*

**(iii) Risiko pasaran** *Market risks*
Aktiviti utama yang dijalankan oleh SPPP lebih bersifat national interest dan tidak menjurus kepada keuntungan semata-mata.
*PPC's main activity is more of a national interest and is not focused on profits per se.*

**(iv) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai** *Liquidity Risk and Cash Flow*
SPPP mempunyai jumlah tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja. Jika terdapat lebihan dana, ianya akan dilaburkan di dalam simpanan tetap di institusi-institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang menguntungkan.
*PPC maintains a sufficient level of cash and cash equivalents to meet its working capital requirements. Any excess funds are invested in fixed deposits with licensed financial institutions at the most competitive interest rates obtainable.*

## 25. PENJELASAN BAGI PENYATA PRESTASI BAJET *EXPLANATION FOR STATEMENT OF BUDGET PERFORMANCE*

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui surat bertarikh 7 Januari 2021 telah memaklumkan bahawa Y.B. Menteri Pengangkutan telah meluluskan Bajet SPPP bagi tahun 2021. Bajet ini disediakan pada asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021. Pengkelasan item-item bajet adalah selari dengan persembahan Penyata Prestasi Kewangan iaitu mengikut jenis hasil dan belanja.

Penyata Kewangan SPPP disediakan pada asas akruan. Amaun Prestasi Kewangan SPPP telah disusun dan dikelaskan semula mengikut asas tunai bagi tujuan pembentangan Penyata Prestasi Bajet pada asas yang sama. Perbezaan-perbezaan yang timbul telah dinyatakan dengan jelas dalam Penyata Penyesuaian Bajet.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Prestasi Bajet dan jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

*The Ministry of Transport Malaysia (MOT) in a letter dated 7th January 2021 informed that the Minister of Transport Malaysia has approved PPC's Budget for 2021. The Budget is provided on a cash basis for the financial period of January 1st 2021 to December 31st 2021. The classification of budget items is in line with the presentation of the Statement of Financial Performance, which is based on types of revenue and expenses.*

*PPC's Financial Statements are prepared on accrual basis. The amount in PPC's Statement of Financial Performance are reclassified according to the cash basis for the purpose of representing the Statement of Budget Performance on the same principle. The differences that arise have been clearly stated in Statement of Budget Reconciliation.*

*Reconciliation between the actual amount as specified in the Statement of Budget Performance and the actual amount in the Statement of Cash Flows for the year ended 31st December 2021 are as follows:*

| | OPERASI *OPERATIONS* RM | PELABURAN *INVESTMENT* RM | JUMLAH *TOTAL* RM |
|---|---|---|---|
| Amaun Sebenar dalam asas perbandingan yang dibentangkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar: *Actual amount in basic differences set out in the Statement of Budget and Actual Amounts:* | | | |
| Pendapatan *Revenue* | 31,149,351 | 1,727,762 | 32,877,113 |
| Perbelanjaan *Expenses* | (15,426,191) | - | (15,426,191) |
| | 15,723,160 | 1,727,762 | 17,450,922 |
| Perbezaan Asas *Basic Differences* | 3,229,677 | (45,498) | 3,184,179 |
| Perbezaan Entiti *Entity Differences* | (458,976) | (31,162,417) | (31,621,393) |
| | 2,770,701 | (31,207,915) | (28,437,214) |
| Jumlah Sebenar dalam Penyata Aliran Tunai *Actual Amount in Cash Flow Statement* | 18,493,861 | (29,480,153) | (10,986,292) |



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (samb.)**
*PENANG PORT COMMISSION*
***NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021 (cont.)***

## 26. PERUBAHAN DALAM BAJET ASAL DAN BAJET SEMAKAN SEMULA
### *CHANGES IN THE ORIGINAL BUDGET AND REUSED BUDGET*

| Perubahan dalam bajet asal dan bajet semakan semula adalah disebabkan oleh perkara berikut: *Changes in the original budget and revised budget are due to the following:* | BAJET ASAL *ORIGINAL BUDGET* RM | BAJET SEMAKAN SEMULA *REVISED BUDGET* RM |
|---|---|---|
| i) **HASIL PENGURUSAN** *MANAGEMENT REVENUE* | 33,671,665 | 30,767,332 |

Bajet bagi hasil pengurusan dipinda disebabkan oleh SPPP tidak akan mendapat threshold fee SPCT memandangkan tiada operasi kruis di SPCT. Ini susulan pintu sempadan Negara masih ditutup untuk kemasukan pelancong luar. Bajet juga dipinda susulan perjanjian konsesi SPCT hanya dapat ditandatangan pada hujung tahun 2021 dan seterusnya mengurangkan sewa pajakan yang diterima SPPP.
*The budget for management revenue is amended as PPC will not get the SPCT threshold fee since there is no cruise operation in the SPCT. This follows the National border gates are still closed for the entry of foreign tourists. The budget was also amended following the SPCT concession agreement that could only be signed at the end of 2021 and further reduce the lease rent received by PPC.*

| ii) **LAIN-LAIN HASIL** *OTHER REVENUE* | BAJET ASAL *ORIGINAL BUDGET* RM | BAJET SEMAKAN SEMULA *REVISED BUDGET* RM |
|---|---|---|
| Pendapatan Faedah *Interest Income* | 1,761,500 | 1,650,000 |

Pengurangan bajet ini adalah disebabkan oleh penurunan kadar faedah bagi simpanan tetap dan pelaburan oleh institusi perbankan kesan dari pengumuman oleh Bank Negara terhadap kadar Overnight Policy Rate (OPR).
*This budget reduction is due to the decrease in interest rates for fixed deposits and investments by banking institutions as a result of the announcement by Bank Negara of the Overnight Policy Rate (OPR).*

| iii) **BELANJA MENGURUS** *MANAGING EXPENSES* | BAJET ASAL *ORIGINAL BUDGET* RM | BAJET SEMAKAN SEMULA *REVISED BUDGET* RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan dan Bekalan *Services and Supplies* | 10,839,560 | 8,399,160 |

Pengurangan bajet ini dibuat disebabkan oleh pembatalan beberapa aktiviti korporat dan pemasaran pelabuhan susulan pandemik Covid-19. Pengurangan ini juga melibatkan pengurangan bajet bagi perbelanjaan tugas rasmi memandangkan kebanyakan mesyuarat dan latihan dibuat secara atas talian.
*This budget reduction was made due to the cancellation of some corporate and port marketing activities following the Covid-19 pandemic. This reduction also involves a reduction in the budget for the expenses of official duties considering the large number of meetings and training are done online.*

## 27. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN *COMPARATIVE FIGURES*

Angka-angka perbandingan berikut telah diklasifikasikan semula untuk disesuaikan dengan persembahan tahun semasa:
*The following comparative figures has been reclassified to suit the current year's performance.*

| **PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN** *STATEMENT OF FINANCIAL POSITION* | Seperti yang Dinyatakan Semula *As Restated* RM | Seperti yang Dilaporkan Sebelum Ini *As Stated Previously* RM |
|---|---|---|
| Baki Bank dan Wang Tunai *Bank Balance and Cash* | - | 5,831,008 |
| Pelaburan Jangka Pendek *Short-Term Investments* | - | 6,038,313 |
| Simpanan Tetap dalam Institusi Kewangan Berlesen | - | 61,100,000 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai *Fixed Deposits in Licensed Financial Institutions and Cash Equivalents* | 19,369,321 | - |
| Simpanan Tetap dalam Institusi Kewangan Berlesen (matang melebihi 3 bulan) *Fixed Deposits in Licensed Financial Institutions (matured exceeding 3 months)* | 53,600,000 | - |

**27. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN (SAMB.)** *COMPARATIVE FIGURES (CONT.)*

| **PENYATA PRESTASI KEWANGAN** *FINANCIAL PERFORMANCE STATEMENT* | **Seperti yang Dinyatakan Semula** *As Restated* **RM** | **Seperti yang Dilaporkan Sebelum Ini** *As Stated Previously* **RM** |
|---|---|---|
| **HASIL PENGURUSAN** *MANAGEMENT REVENUE* | | |
| Sewa Pajakan *Rent Lease* | - | 15,681,139 |
| Pendapatan Pelunasan Geran Kerajaan *Government Grant Amortisation Income* | - | 2,856,542 |
| Pendapatan Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) *PPC (Teluk Ewa) Management Income* | - | 2,500,000 |
| Pelbagai Pendapatan *Other Income* | - | 6,549,460 |
| Pendapatan Lesen *License Income* | - | 133,470 |
| Pendapatan Faedah *Interest Income* | - | 1,963,860 |
| Dividen *Dividend* | - | 162,684 |
| Lain-Lain Pendapatan *Other Income* | - | 30,638 |
| Keuntungan dari Jualan Aset *Profit from Asset Sales* | - | 1,317 |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran *Non-Exchange Transactions* | 2,856,542 | - |
| Urus Niaga Pertukaran *Exchange Transactions* | 27,022,568 | - |
| **BELANJA MENGURUS** *MANAGING EXPENSES* | | |
| Susut Nilai Aset Bukan Semasa *Depreciation of Non-Current Assets* | 8,182,841 | 8,388,445 |
| Pelunasan Aset Tak Ketara *Amortisation of Intangible Assets* | 205,604 | - |

**28. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN** *EVENTS AFTER THE REPORTING DATE*

Dijangkakan pendapatan SPPP pada tahun 2022 akan terus terjejas memandangkan pintu sempadan Negara hanya mula dibuka mulai 1 April 2022 akibat pandemik Covid-19. Ini akan melibatkan pengecualian sewaan kepada penyewa premis SPPP yang terjejas akibat Covid-19 yang seterusnya akan memberi kesan terhadap jumlah pendapatan SPPP pada tahun 2022.
*It is expected that PPC's income in 2022 will continue to be affected considering that the country's border gates will only start to open from 1st April 2022 due to the Covid-19 pandemic. This will involve a rental exemption for tenants of PPC premises affected by Covid-19 which will in turn affect PPC's total income in 2022.*







# SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA)

## PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA)



Melalui satu perintah menteri, SPPP (Teluk Ewa) telah ditubuhkan sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dan Badan Kawal Selia bagi Jeti Teluk Ewa, Langkawi. Pindaan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, 1955 (Seksyen 80A) membolehkan bidang kuasa ini. Perluasan bidang kuasa ini seterusnya membolehkan operasi di Jeti Teluk Ewa Langkawi diswastakan. Berikutan penswastaan, bidang kuasa SPPP telah diperluaskan ke Jeti Teluk Ewa.

Bagi pengendalian kargo di Jeti Teluk Ewa, SPPP (Teluk Ewa) telah melesenkan Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd. (KCJSB) sebagai operator pelabuhan untuk tempoh konsesi selama 30 tahun. Sebagai operator pelabuhan di Jeti Teluk Ewa, KCJSB bertanggungjawab untuk mengutip semua hasil di Jeti Teluk Ewa mengikut peruntukan Undang-undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Skala, Kadar dan Dius), 1998 kecuali bagi dius pelabuhan.

SPPP (Teluk Ewa) yang berperanan sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dan Badan Kawal Selia merupakan satu entiti yang berasingan dari SPPP. Namun demikian, urusan harian SPPP (Teluk Ewa) diluruskan sendiri oleh Pihak Pengurusan dan kakitangan SPPP. Begitu juga dengan Lembaga Pengarah, di mana Lembaga Pengarah SPPP (Teluk Ewa) merupakan individu yang sama dilantik dalam Lembaga Pengarah SPPP kecuali pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang digantikan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.

Jeti Teluk Ewa terletak di atas tanah seluas 45 hektar di pantai utara Pulau Langkawi. Jeti ini telah siap dibina pada bulan November 1982 dan mula beroperasi pada September 1984. Ukuran panjang jeti ini adalah 330 meter manakala panjang sub-jeti adalah 150 meter. Dermaga tambahan sepanjang 157 meter telah dibina pada tahun 1993 bagi menampung jumlah kendalian kargo yang semakin meningkat.

Jeti Teluk Ewa ini digunakan untuk mengangkut bahan mentah dan alat gantian bagi kilang simen di Teluk Ewa serta juga untuk pengeksportan simen. Sebelum 1 Januari 1999, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia telah bertindak sebagai pentadbir Jeti Teluk Ewa sebelum Pihak Berkuasa Pelabuhan dilantik.

*Through a ministerial order, PPC (Teluk Ewa) has been established as the Port Authority and Regulatory Body for Teluk Ewa Jetty, Langkawi. The extension of this jurisdiction is in accordance with the amendment based on the Penang Port Commission Act, 1955 (Section 80A). Subsequently, the expansion of this jurisdiction further allows the operation at Teluk Ewa Langkawi Jetty to be privatised. Following its privatisation, PPC's jurisdiction was extended to Teluk Ewa Jetty.*

*For cargo handling at Teluk Ewa Jetty, PPC (Teluk Ewa) licensed Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd. (KCJSB) as the port operator for a concession period of 30 years. As the port operator of Teluk Ewa Jetty, KCJSB is responsible for collecting all revenues at Teluk Ewa Jetty in accordance with the Penang Port Commission By-Laws (Scale of Rates and Dues) 1998 except for port dues.*

*PPC (Teluk Ewa) which acts as Port Authority and Regulatory Body is a separate entity from PPC. Nevertheless, the daily affairs of PPC (Teluk Ewa) are managed by the management and staff of PPC. The same goes for the Board of Directors, where the Board of Directors of PPC (Teluk Ewa) is also appointed as its Board of Directors of PPC except the appointment of the Penang State Secretary is replaced by the Kedah State Secretary.*

*Teluk Ewa Jetty is located on 45 hectares of land on the northern coast of Langkawi Island. The jetty was completed in November 1982 and commenced its operations in September 1984. The length of the jetty is 330 meters whilst the length of the sub-jetty is 150 meters. An additional 157-meter-long wharf was built in 1993 to accommodate the increasing volume of cargo handled.*

*This Teluk Ewa Jetty is used to transport raw materials and spare parts for the cement plant in Teluk Ewa as well as for exporting cement. Prior to 1st January 1999, the Peninsular Malaysia Marine Department acted as the administrator of Teluk Ewa Jetty before the Port Authority was appointed.*

# AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA) 2021

## PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA) BOARD OF DIRECTORS 2021



**YBhg.**
**Datuk Tan Teik Cheng**



**Encik Aedy Fadly**
**bin Ramli**



**Encik Zul Hadi**
**bin Ahmad**
(Mulai 20 April 2021)
*(Effective 20th April 2021)*



**Tuan Haji Zairi**
**bin Mat Ali**
(Sehingga 19 April 2021)
*(Until 19th April 2021)*



**Encik Boniface**
**Anak Edwin Manung**



**YB Dato' Paduka Ammar**
**bin Dato' Shaikh**
**Mahmood Naim**



**YBhg. Dato'**
**Chen Liau Weng**
(Sehingga 8 Julai 2021)
*(Until 8th July 2021)*



**YBhg. Dato'**
**Goh Chin Cheung**
Sehingga 8 Julai 2021)
*(Until 8th July 2021)*



**Encik Rasman Farish**
**bin Shamsuddin**
Sehingga 8 Julai 2021)
*(Until 8th July 2021)*



**YBrs. Puan Monaliza**
**binti Suhaimi**



# JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA (TELUK EWA) 2021

## SUB-COMMITTEES OF THE BOARD (TELUK EWA) 2021

### JAWATANKUASA KEWANGAN *FINANCE COMMITTEE*

| | |
|---|---|
| Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Wakil<br>*Secretary General of Treasury / Representative* | Pengerusi<br>*Chairman* |
| Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi / Wakil<br>*Director General, Economic Planning Unit / Representative* | Timb. Pengerusi<br>*Deputy Chairman* |
| Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan / Wakil<br>*Secretary General, Ministry of Transport / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| YBhg. Dato' Chen Liau Weng (Sehingga 8 Julai 2021)<br>*YBhg. Dato' Chen Liau Weng (Until 8th July 2021)* | Ahli<br>*Member* |
| Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang<br>*General Manager, Penang Port Commission* | Ahli<br>*Member* |

### JAWATANKUASA PERANCANGAN *PLANNING COMMITTEE*

| | |
|---|---|
| Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan / Wakil<br>*Secretary General, Ministry of Transport / Representative* | Pengerusi<br>*Chairman* |
| Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Wakil<br>*Secretary General of Treasury / Representative* | Timb. Pengerusi<br>*Deputy Chairman* |
| Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi / Wakil<br>*Director General, Economic Planning Unit / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah<br>*YB Kedah State Secretary* | Ahli<br>*Member* |
| YBhg. Dato' Goh Chin Cheung (Sehingga 8 Julai 2021)<br>*YBhg. Dato' Goh Chin Cheung (Until 8th July 2021)* | Ahli<br>*Member* |
| Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang<br>*General Manager, Penang Port Commission* | Ahli<br>*Member* |

### LEMBAGA PEROLEHAN *PROCUREMENT BOARD*

| | |
|---|---|
| Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan / Wakil<br>*Secretary General, Ministry of Transport / Representative* | Pengerusi<br>*Chairman* |
| Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Wakil<br>*Secretary General of Treasury / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang<br>*General Manager, Penang Port Commission* | Ahli<br>*Member* |
| Seorang Pegawai Awam Dari Agensi Lain (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)<br>*A Government Officer from Other Agencies (Management and Professional Group)* | Ahli<br>*Member* |

# JAWATANKUASA-JAWATANKUASA (TELUK EWA) KECIL LEMBAGA 2021

## SUB-COMMITTEES OF THE BOARD (TELUK EWA) 2021

### JAWATANKUASA AUDIT *AUDIT COMMITTEE*

| | |
|---|---|
| Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi / Wakil<br>*Director General, Economic Planning Unit / Representative* | Pengerusi<br>*Chairman* |
| YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah<br>*YB Kedah State Secretary* | Timb. Pengerusi<br>*Deputy Chairman* |
| Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan / Wakil<br>*Secretary General, Ministry of Transport / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Wakil<br>*Secretary General of Treasury / Representative* | Ahli<br>*Member* |
| Encik Rasman Farish bin Shamsuddin (Sehingga 8 Julai 2021)<br>*Mr. Rasman Farish bin Shamsuddin (Until 8th July 2021)* | Ahli<br>*Member* |



# KEHADIRAN AHLI-AHLI LEMBAGA DI MESYUARAT-MESYUARAT LEMBAGA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA) 2021

## BOARD OF DIRECTORS' ATTENDANCE IN PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA) BOARD MEETINGS 2021

Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) telah diadakan sebanyak 6 kali sepanjang tahun 2021. Senarai kehadiran Ahli-ahli Lembaga SPPP (Teluk Ewa) adalah seperti berikut:

*A total of 6 Penang Port Commission Board (Teluk Ewa) Meetings were held throughout 2021. The attendance of the PPC's (Teluk Ewa) Board of Directors is as follows:*

| **NAMA** *NAME* | **KEHADIRAN** *ATTENDANCE* |
|---|---|
| **YBhg. Datuk Tan Teik Cheng**<br>*YBhg. Datuk Tan Teik Cheng* | 6/6 |
| **Encik Aedy Fadly bin Ramli**<br>Mewakili Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan<br>***Mr. Aedy Fadly bin Ramli***<br>*Representing Secretary General, Ministry of Transport* | 4/6 |
| **Encik Zul Hadi bin Ahmad**<br>Mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Mulai 20 April 2021)<br>***Mr. Zul Hadi bin Ahmad***<br>*Representing Secretary General of the Treasury (Effective 20th April 2021)* | 4/6 |
| **Tuan Haji Zairi bin Mat Ali**<br>Mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sehingga 19 April 2021)<br>***Tuan Haji Zairi bin Mat Ali***<br>*Representing Secretary General of the Treasury (Until 19th April 2021)* | 2/6 |
| **Encik Boniface Anak Edwin Manung**<br>Mewakili Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi<br>***Mr. Boniface Anak Edwin Manung***<br>*Representing Director General, Economic Planning Unit* | 6/6 |
| **YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim**<br>Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah<br>***YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim***<br>*Kedah State Secretary* | 3/6 |
| **YBhg. Dato' Chen Liau Weng** (Sehingga 8 Julai 2021)<br>***YBhg. Dato' Chen Liau Weng*** *(Until 8th July 2021)* | 2/6 |
| **YBhg. Dato' Goh Chin Cheung** (Sehingga 8 Julai 2021)<br>***YBhg. Dato' Goh Chin Cheung*** *(Until 8th July 2021)* | 2/6 |
| **Encik Rasman Farish bin Shamsuddin** (Sehingga 8 Julai 2021)<br>***Mr. Rasman Farish bin Shamsuddin*** *(Until 8th July 2021)* | 2/6 |
| **YBrs. Puan Monaliza binti Suhaimi**<br>Pengurus Besar<br>***YBrs. Mdm. Monaliza binti Suhaimi***<br>*General Manager* | 6/6 |



# PERUTUSAN PENGERUSI

# CHAIRMAN'S MESSAGE

Pelabuhan Teluk Ewa terus konsisten dalam mengharungi tahun 2021 yang penuh dengan cabaran. Di sebalik perkembangan ekonomi yang kurang stabil disebabkan pandemik yang melanda pada tahun 2020, Pelabuhan Teluk Ewa tetap berdaya saing berikutan permintaan domestik yang stabil.

Pada tahun 2021, sebanyak 2,356,953 tan kargo dikendalikan di Jeti Teluk Ewa iaitu meningkat sebanyak 29.60% berbanding 1,818,682 tan pada tahun 2020. Peningkatan pengendalian tersebut merupakan sinar baru kepada SPPP (Teluk Ewa) untuk bangkit selepas menghadapi penurunan kendalian pada tahun 2020 akibat penularan wabak Covid-19. Sebanyak 205 buah kapal singgah di Jeti Teluk Ewa dalam tahun 2021.

**Prospek**

Berdasarkan kepada keadaan ekonomi global yang sudah mula pulih, adalah dijangkakan prestasi kendalian di Jeti Teluk Ewa akan menunjukkan peningkatan yang signifikan pada tahun 2022.

**Penghargaan**

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Lembaga SPPP (Teluk Ewa), Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, pihak operator pelabuhan iaitu Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd., agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta yang telah bekerja keras serta memberi sumbangan yang tidak ternilai di dalam memajukan Jeti Teluk Ewa.

Sekian, terima kasih.

**YBhg. Datuk Tan Teik Cheng**

Pengerusi

*PPC Teluk Ewa has continuously been consistent in weathering the storm through 2021 which was loaded with challenges. Despite the less stable economic development due to the pandemic in 2020, PPC Teluk Ewa remained competitive due to stable domestic demand.*

*In 2021, a total of 2,356,953 tonnes of cargo was handled at Teluk Ewa Jetty, reflecting an increase of 29.60% compared to 1,818,682 tonnes in 2020. The increase in handling was a pivotal moment for PPC (Teluk Ewa) to rise after facing a decrease in operations in 2020 due to the contagion of the Covid-19 outbreak. A total of 205 ship calls at Teluk Ewa Jetty in 2021.*

***Prospect***

*Based on the recovery of the global economy, it is expected that the operating performance at Teluk Ewa Jetty will show a significant improvement in 2022.*

***Appreciation***

*I would like to express my deepest appreciation and gratitude to the Board Members of PPC (Teluk Ewa), the Federal Government and the State Government, and the port operators namely, Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd., government agencies and the private sector, who have worked hard and made invaluable contributions in developing Teluk Ewa Jetty.*

*Thank you.*

***YBhg. Datuk Tan Teik Cheng***

*Chairman*





# LAPORAN PENGURUS BESAR

# GENERAL MANAGER'S REPORT

**PRESTASI JETI TELUK EWA 2021 *TELUK EWA JETTY'S PERFORMANCE 2021***

**Kendalian Kargo *Cargo Handling***

Pada tahun 2021, sejumlah 2,356,953 tan kargo dikendalikan di Pelabuhan Teluk Ewa.
*In 2021, a total of 2,356,953 tonnes of cargo was handled at Teluk Ewa Jetty.*

| **PENGENDALIAN KARGO (FWT)** *HANDLING OF CARGO (FWT)* | **2021** | **2020** | **Perbezaan (%)** *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| Eksport *Export* | 1,920,187 | 1,424,712 | 34.78 |
| Import *Import* | 436,766 | 393,970 | 10.86 |
| **Jumlah *Total*** | **2,356,953** | **1,818,682** | **29.60** |

Pengendalian kargo di Pelabuhan Teluk Ewa mencatatkan peningkatan sebanyak 538,271 FWT/29.60% iaitu dari 1,818,682 FWT pada tahun 2020 kepada 2,356,953 FWT pada tahun 2021.

*Cargo handling at Teluk Ewa Jetty recorded an increase of 538,271 FWT/29.60% from 1,818,682 FWT in 2020 to 2,356,953 FWT in 2021.*

| **KENDALIAN KARGO MENGIKUT JENIS (FWT)** *HANDLING OF CARGO BY TYPE (FWT)* | **2021** | **2020** | **Perbezaan (%)** *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| Pukal Kering *Dry Bulk* | 2,307,036 | 1,759,089 | 31.15 |
| Pukal Cecair *Liquid Bulk* | 49,917 | 59,593 | (16.24) |
| **Jumlah *Total*** | **2,356,953** | **1,818,682** | **29.60** |

Pengendalian kargo pukal kering mencatatkan peningkatan sebanyak 547,949 FWT/31.15% iaitu dari 1,759,089 FWT pada tahun 2020 kepada 2,307,036 FWT pada tahun 2021. Ini adalah disebabkan:

i. Keadaan ekonomi global yang beransur pulih telah merangsang permintaan yang tinggi bagi aktiviti eksport yang disumbangkan oleh pengendalian simen dan klinker ke negara Bangladesh dan Sumatera, Indonesia.

ii. Peningkatan aktiviti import bahan mentah (sand,coal dan lain-lain seperti petcoke dan woodchips).

Namun begitu, pengendalian kargo pukal cecair mencatatkan penurunan sebanyak 16.24% disebabkan kadar penggunaan domestik bagi bahan bakar yang rendah walaupun Kerajaan telah membenarkan aktiviti merentas negeri bermula 11 Oktober 2021. Pemilihan Pulau Langkawi sebagai negeri rintis untuk aktiviti pelancongan masih tidak dapat meningkatkan kadar penggunaan bagi keseluruhan tahun 2021.

*Dry bulk cargo handling recorded an increase of 547,949 FWT/31.15% from 1,759,089 FWT in 2020 to 2,307,036 FWT in 2021. This is due to:*

*i. The gradual recovery of the global economy has stimulated high demand for export activities contributed by the handling of cement and clinker in Bangladesh, Sumatra, and Indonesia.*

*ii. Increasing import activity of raw materials (sand, coal others such as petcoke and woodchips).*

*Nevertheless, the handling of liquid bulk cargo recorded a decrease of 16.24% due to the low domestic consumption rate for fuel even though the Government has allowed cross-state activities starting on 11th October 2021. The selection of Langkawi Island as a pilot state for tourism activities could not cut it to increase the consumption rate for the whole year of 2021.*

Singgahan Kapal *Ship Calls*

| **KETIBAAN KAPAL MENGIKUT JENIS** *SHIP CALLS BY TYPE* | **2021** | **2020** | **Perbezaan (%)** *Difference (%)* |
|---|---|---|---|
| Pukal Kering *Dry Bulk* | 103 | 88 | 17.05 |
| Pukal Cecair *Liquid Bulk* | 37 | 41 | (9.76) |
| Lain-lain *Others* | 65 | 64 | 1.56 |
| **Jumlah** ***Total*** | **205** | **193** | **6.22** |

Sejumlah 205 buah kapal singgah di Jeti Teluk Ewa pada tahun 2021. Peningkatan kepada aktiviti import dan eksport telah memberi kesan kepada jumlah ketibaan kapal di Pelabuhan Teluk Ewa yang mencatatkan peningkatan ketibaan kapal sebanyak 6.22% iaitu dari 193 ketibaan kapal bagi tahun 2020 meningkat kepada 205 ketibaan kapal bagi tempoh yang sama tahun 2021.

*There was a total of 205 ship calls at Teluk Ewa Jetty in 2021. The increase in import and export activities has had an impact on the number of ship calls at Teluk Ewa Jetty in which recorded a 6.22% increase in ship calls from 193 ships in 2020 to 205 for the same period in 2021.*

## DIARI AKTIVITI SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA)
## *PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA) ACTIVITIES DIARY*

- **SUMBANGAN BARANGAN KEPERLUAN & PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT (PPE)**
- ***DONATION OF ESSENTIAL ITEMS & PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT (PPE)***






SPPP (Teluk Ewa) telah menyampaikan sumbangan 60 bungkus barangan keperluan kepada masyarakat di enam Mukim di Pulau Langkawi pada 26 Ogos 2021. Sumbangan ini telah diserahkan kepada Tuan Hj Saiful Anwar bin Azmi, Pegawai Daerah Langkawi untuk diagihkan kepada 10 keluarga yang memerlukan di setiap mukim. Sumbangan juga turut disampaikan kepada enam buah keluarga dari masyarakat Cina atau “Tiong Hwa” dan lima buah keluarga dari masyarakat India di Langkawi. SPPP (Teluk Ewa) turut menghulurkan sumbangan *Personal Protective Equipment (PPE)*, pelitup muka dan makanan kepada petugas-petugas dan pesakit di Pusat Kuarantin Covid Centre (PKRC) LISRAM, Langkawi.

*PPC (Teluk Ewa) donated 60 packs of essential items to the community in six districts in Langkawi Island on 26th August 2021. This donation was handed over to Tuan Hj Saiful Anwar bin Azmi, Langkawi District Officer to be distributed to 10 needy families in each district. Donations were also presented to six families from the Chinese or "Tiong Hwa" community and five families from the Indian community in Langkawi. PPC (Teluk Ewa) also donated Personal Protective Equipment (PPE), face masks and food to the staff and patients at the LISRAM Covid Quarantine Center (PKRC), Langkawi.*

- **SUMBANGAN RAMADHAN 2021 KEPADA 2 BUAH MASJID DAN MAHAAD TAHFIZ DI SEKITAR JETI TELUK EWA**
- ***RAMADHAN 2021 DONATION TO 2 MOSQUES AND MAHAAD TAHFIZ AROUND TELUK EWA JETTY***

SPPP (Teluk Ewa) telah membuat sumbangan tunai RM1,000 kepada dua buah masjid di sekitar jeti Teluk Ewa iaitu Masjid Nurussalam Kg. Ewa dan Masjid Padang Lalang serta sumbangan tunai RM1,000 kepada Maahad Tahfiz Sulaimaniah Arrawi.

*PPC (Teluk Ewa) donated RM1,000 in cash to two mosques around the Teluk Ewa jetty, namely Masjid Nurussalam Kg. Ewa and Masjid Padang Lalang and another cash donation of RM1,000 to Maahad Tahfiz Sulaimaniah Arrawi.*



- **SUMBANGAN BAGI PENGURUSAN BANJIR**
- ***DONATION TO FLOOD MANAGEMENT***

SPPP (Teluk Ewa) telah menyumbangkan bantuan RM50,000 kepada pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi pengurusan banjir negara dengan harapan dapat meringankan pihak yang terkesan teruk akibat bencana banjir yang melanda negara pada bulan Disember 2021.

*PPC (Teluk Ewa) donated RM50,000 in aid to the National Disaster Management Agency (NADMA) for the country's flood management in the hope of easing those who were badly affected by the floods that hit the country in December 2021.*

- **PENGHARGAAN**
- ***APPRECIATION***

Pihak Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terutamanya Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd. yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam mempermudahkan pengurusan dan pentadbiran SPPP (Teluk Ewa).

*The Management of PPC (Teluk Ewa) would like to express its deepest appreciation to all parties, especially the Federal Government, the State Government and Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd. for their support and cooperation in facilitating the management and administration of PPC (Teluk Ewa).*

Prospek *Prospect*

Keadaan pandemik Covid-19 di peringkat global dan domestik dijangka pulih pada tahun 2022. Jumlah kendalian di Jeti Teluk Ewa dijangka akan memperolehi peningkatan kendalian yang lebih signifikan pada tahun 2022.

*The global and domestic Covid-19 pandemic is expected to recover in 2022. The operating volume at Teluk Ewa Jetty is expected to achieve a more significant increase in operations in 2022.*

**Prestasi Pelabuhan Pulau Pinang 2021** ***Penang Port's Performance 2021***

Pengendalian Kargo Import dan Eksport *Handling of Import and Export Cargo*



## Pengendalian Kargo Mengikut Jenis *Handling of Cargo by Type*




## Jumlah Singgahan Kapal *Total Ship Calls*








# PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA)

# PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA) FINANCIAL STATEMENT

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA)**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa). Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 6 hingga 18.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*] serta Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990.

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.





### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*] serta Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa), Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa), sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa);

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.



**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa). berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*] .

serta Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**MAZMIZA BINTI MIHAT**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KEPALA BATAS, PULAU PINANG
26 OGOS 2022

## PENYATA PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA

Kami, DATUK TAN TEIK CHENG dan PUAN MONALIZA BINTI SUHAIMI yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA) yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA) pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

| Bagi pihak Lembaga | | Bagi pihak Lembaga | |
|---|---|---|---|
| ............................ | | ............................ | |
| NAMA | : DATUK TAN TEIK CHENG | NAMA | : MONALIZA BINTI SUHAIMI |
| GELARAN | : PENGERUSI | GELARAN | : AHLI LEMBAGA |
| TARIKH | : 11 MAY 2022 | TARIKH | : 11 MAY 2022 |
| TEMPAT | : PULAU PINANG | TEMPAT | : PULAU PINANG |



## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA)

Saya, MOHAMAD SAFRI BIN HALIM, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA) dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di Pulau Pinang )
Pada KEPALA BATAS, PULAU PINANG hari bulan 11 MAY 2022 )

............................
(MOHAMAD SAFRI BIN HALIM)

Di hadapan saya

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
NO. P161
ROSNI BINTI DARUS
01.01.2022 - 31.12.2024

No. 33, Tingkat Bawah,
Jalan Dagangan 3,
Pusat Bandar Bertam Perdana,
13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang.

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

*PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA)*

## *STATEMENT OF FINANCIAL POSITION AS OF 31ST DECEMBER*

| | NOTA *NOTES* | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** *ASSETS* | | | |
| **Aset Semasa** *Current Assets* | | | |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai *Cash and Cash Equivalents* | | 1,347,659 | 3,647,061 |
| Pelaburan Jangka Pendek *Short-Term Investment* | | 36,200,000 | 36,700,000 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima *Receivable Exchange Transactions* | 4 | 2,910,079 | 416,750 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan | | 2,351 | 661 |
| *Various Accounts Receivable, Deposits and Advances* | | 35,139 | - |
| Cukai Boleh Dituntut Semula *Tax Recoverable* | 5 | | |
| | | 103,072,123 | 81,479,583 |
| **Jumlah Aset Semasa** *Total Current Assets* | | 40,495,228 | 40,764,472 |
| **Aset Semasa Bukan** *Non-Current Assets* | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan *Property, Plant and Equipment* | 6 | 580,005 | 2,390 |
| Aset Tak Ketara *Intangible Assets* | 7 | 28,004 | 52,002 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** *Total Non-Current Assets* | | 608,009 | 54,392 |
| **JUMLAH ASET** *TOTAL ASSETS* | | 41,103,237 | 40,818,864 |
| **LIABILITI** *LIABILITY* | | | |
| **Liabiliti Semasa** *Current Liability* | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru *Other Payables and Accruals* | | 148,098 | 29,142 |
| Cukai Perlu Dibayar *Tax Payable* | 5 | - | 54,182 |
| **Jumlah Liabiliti** *Total Current Liability* | | 148,098 | 83,324 |
| **ASET BERSIH** *NET ASSETS* | | 40,955,139 | 40,735,540 |
| **ASET BERSIH / EKUITI** *NET ASSETS / EQUITY* | | | |
| Lebihan Terkumpul *Accumulated Surpluses* | | 40,955,139 | 40,735,540 |
| **JUMLAH ASET BERSIH / EKUITI** *TOTAL NET ASSETS / EQUITY* | | 40,955,139 | 40,735,540 |

Penyata Kedudukan Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
*The above Statement of Financial Position is to be read in conjunction with the notes to the financial statements.*





## PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

*PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA)*

## *STATEMENT OF FINANCIAL PERFORMANCE FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

| | NOTA *NOTES* | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **HASIL** *REVENUE* | | | |
| Urus Niaga Pertukaran *Exchange Transactions* | 8 | 4,175,514 | 5,153,861 |
| **BELANJA** *EXPENSES* | | | |
| Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan *Depreciation of Property, Plant and Equipment* | 6 | 40,260 | 40,260 |
| Pelunasan Aset Tak Ketara *Intangible Amortisation* | 7 | 23,998 | 23,998 |
| Perkhidmatan dan Bekalan *Services and Supplies* | 9 | 3,684,991 | 3,684,991 |
| Perbelanjaan Lain *Other Expenses* | | 1,805 | 1,805 |
| **JUMLAH BELANJA** *TOTAL EXPENSES* | | 3,751,054 | 3,751,054 |
| **LEBIHAN SEBELUM CUKAI** *SURPLUS BEFORE TAXATION* | | 424,460 | 1,787,020 |
| Cukai *Taxation* | 10 | (204,861) | (324,182) |
| **LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN** *NET SURPLUS FOR THE YEAR* | | 219,599 | 1,462,838 |

Penyata Prestasi Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
*The above Statement of Financial Performance is to be read in with the notes of the financial statements.*

## PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

*PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA)*

## *STATEMENT OF CHANGES IN NET ASSET/EQUITY FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

| | Lebihan Terkumpul *Accumulated Surpluses* RM |
|---|---|
| **Baki pada 1 Januari 2020** *Balance as at 1st January 2020* | 39,272,702 |
| **Lebihan Bersih** *Net Surplus* | 1,462,838 |
| **Baki pada 31 Disember 2020** *Balance as at 31st December 2020* | 40,735,540 |
| **Baki pada 31 Disember 2021** *Balance as at 31st December 2021* | 40,735,540 |
| **Lebihan Bersih** *Net Surplus* | 219,599 |
| **Baki pada 31 Disember 2021** *Balance as at 31st December 2021* | 40,955,139 |

Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.

*The above Statement of Change of Net Asset/Equity is to be read with the notes to the financial statements.*





## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

*PENANG PORT COMMISSION (TELUK EWA)*

## *CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2021*

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** *CASH FLOW FROM OPERATING ACTIVITIES* | | |
| Penerimaan daripada aktiviti operasi *Receipts from operating activities* | 604,103 | 3,807,055 |
| Pembayaran kepada aktiviti operasi *Payment to operating activities* | (3,567,840) | (3,339,698) |
| Tunai (diserap oleh) /dijana dari operasi *Net cash flow (absorbed by) / generated from operating activities* | (2,963,737) | 467,357 |
| Bayaran cukai *Tax paid* | (294,182) | (302,180) |
